

BAB II

FENOMENA KRISIS MORAL DAN PENYAKIT SOSIAL MASYARAKAT DI ABAD MODEN

2.1 Pengenalan

Kebelakangan ini kita semakin sering didedahkan dengan berita-berita yang semakin hari semakin menggerunkan berhubung dengan keruntuhan akhlak, krisis moral dan penyakit sosial yang semakin bermaharajalela dalam kehidupan masyarakat hari ini. Kemajuan dan kecanggihan yang menandai sebuah kehidupan moden tidak menjamin sebuah kehidupan yang berakhlak dan terbebas dari segala penyakit sosial, malah kemodenan itu sendiri yang banyak memperdaya dan meleakakan manusia sehingga ramai yang terpedaya dengan kehidupan dunia.

Pada bab ini akan dibahaskan pengertian dan definisi penyakit sosial dan krisis moral. Dan juga akan dipaparkan jenis-jenis krisis moral dan penyakit sosial yang tengah mewabak dalam masyarakat. Walaupun ianya tidak menuliskan semua jenis krisis moral dan penyakit sosial, akan tetapi apa yang dipaparkan ini cukup untuk mewakili pelbagai jenis lainnya yang semakin hari semakin memprihatinkan.

2.2 Keresahan Umat Masa Kini

Kehidupan abad moden yang kita rasai pada saat ini adalah lambang daripada kemajuan di segala bidang. Kemajuan yang dicapai sedikit sebanyak telah mendatangkan pertentangan-pertentangan yang mengusik dan mengganggu

kehidupan seseorang. Meskipun apa yang pada zaman dulu belum dikenal oleh manusia namun sekarang bukan merupakan perkara yang baru lagi. Ini membolehkan manusia terus berkembang¹.

Abad baru ini juga adalah suatu abad yang oleh ilmuwan disebut sebagai abad kecemasan (*The age of anxiety*). Beberapa gejalanya adalah peperangan antara bangsa, antara suku, antara agama, dan antara negara yang tiada hentihentinya, krisis ekonomi yang melanda banyak negara yang menyebabkan semakin banyak timbul problem-problem sosial di negara terbabit, pencemaran alam akibat pembuangan sisa industri, pergantian berbagai-bagai tata nilai yang serba pantas, munculnya pelbagai krisis dalam kehidupan pribadi, keluarga dan masyarakat, menipisnya nilai-nilai tradisi dan penghayatan agama sebagai akibat sampingan daripada kemajuan teknologi, industri dan modenisasi.

Fenomena di atas jelas mengakibatkan beban psikologis bukan sahaja bagi individu, tetapi juga pada keluarga dan lingkungan masyarakat yang lebih luas lagi. Akibatnya “wabak kegelisahan” seakan-akan sedang melanda masyarakat moden, terutamanya mereka yang hidup di negara-negara maju².

Kalau pada masa dahulu, kemiskinan, kesukaran dan kekurangan sangat ditakuti oleh manusia, namun pada ketika ini bagi sebahagian manusia semua itu bukanlah menjadi masalah lagi. Kerana dengan kemajuan teknologi canggih telah dapat menghasilkan segala keperluan hidup manusia dalam usaha menuju kesenangan, kemudahan dan kemewahan, sehingga segala keperluan hidup yang bersifat kebendaan dapat dipenuhi. Seharusnya dengan hidup yang mewah itu

¹ Mohd. Isa Selamat (1994). *Penawar Jiwa*. Cet. I Dārul Nu'mān Kuala Lumpur h.7

² Hanna Djumhana Bustaman (1995). *Integrasi Psikologi Dengan Islam*. cet. I Pustaka Pelajar h.155

akan membawa kepada kedamaian dan kebahagiaan dalam diri umat manusia, namun fenomena yang terjadi pada umat saat ini, mereka makin jauh dengan kedamaian dan kebahagiaan. Mereka selalu dalam keresahan, tidak tenteram dan gelisah. Kemudahan hidup dalam bentuk material itu tidak selalunya menjamin seseorang merasa bahagia. Bebanan jiwa yang semakin berat, tekanan terhadap diri sendiri sehingga mengurangi nilai kebahagiaan hidup seseorang.

Penyakit jiwa seperti putus asa, kecewa, kacau bilau, rendah diri, resah dan gelisah, kekosongan hati, ketegangan perasaan membuat kehidupan menjadi tidak tenteram. Masyarakat moden sudah kehilangan asas berpijak dalam kehidupan mereka sehingga kehidupan mereka penuh dengan krisis dan tragedi yang tidak berkesudahan. Oleh kerana mereka tiada panduan hidup yang terang, masyarakat moden menjadi masyarakat perosak, merosak alam dengan segala pengetahuan yang dimilikinya. Mereka dengan tamaknya mengeksploitasi alam tanpa batas sehingga mengganggu keseimbangan alam yang akan mendatangkan kecelakaan kepada seluruh makhluk. Setelah bumi hancur akibat penemuan sains dan teknologi yang tidak didasari panduan hidup Ilahiah yang akan merugikan manusia dan alam³.

Umat Islam pada abad moden ini bagaikan suci yang makin diliputi debu. Ertinya kesucian dan kebenaran yang ada di dalam Islam sedikit demi sedikit mulai ditutupi dengan debu kemungkaran, debu kezaliman, kebodohan, kekufuran, kesyirikan dan kefasikan. Sehingga kebenaran Islam mulai dihilangkan oleh umat Islam itu sendiri, dengan corak kehidupan dan aturan yang dibuatnya sendiri yang lari dari tuntutan Islam.

³ Hilmy Bakar al-Mascaty (1995). *Generasi Penyelamat Ummah*. Cet . I Berita Publishing Sdn.Bhd h.44

Semuanya terjadi kerana di antara umat Islam tidak mahu mempelajari akan ajaran Islam secara benar dan menyeluruh. Mempelajari Islam tidak lebih hanya ingin memenuhi keperluan tertentu sahaja. Islam yang dimiliki hanya bersifat keturunan atau hanya sekadar pengakuan. Begitu sempit pengertian Islam, kalau hanya digunakan untuk keperluan tertentu sahaja. Padahal Islam mengandungi nilai yang luas mencakupi segala aspek kehidupan manusia.

Gambaran kehidupan masyarakat moden menunjukkan suatu tragedi nilai hidup yang mulai menyimpang dari ketentuan Islam yang sebenarnya . yang hak dikatakan batil dan yang suci dilumuri debu, sehingga umat banyak dihadapi berbagai-bagai penyakit kejiwaan seperti keresahan, ketegangan dan kegelisahan.

Ramai manusia yang lupakan tujuan hidup mereka di dunia yang fana ini. Kebanyakannya berlagak dan menyombongkan diri seakan-akan dunia milik mereka. Seakan-akan mereka akan hidup untuk selama-lamanya. Padahal tanggungjawab insan sungguh besar. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Zāriyā* : 56

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)

Ertinya : Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah Ku.

Terjemahan Surah *al-Zāriyā* (51):56

Menurut para ahli ilmu jiwa, tumbuhnya tragedi dalam kehidupan masyarakat moden ini dipengaruhi oleh empat faktor iaitu :

1. Keperluan hidup yang meningkat

2. Rasa individualistis dan egois
3. Persaingan dalam hidup
4. Keadaan yang tidak stabil⁴

Keempat-empat faktor ini mempengaruhi perilaku masyarakat moden dalam kehidupannya sehingga tindak-tanduk dan perbuatannya dapat menjadi penyakit sosial dalam masyarakatnya.

Semakin maju suatu masyarakat, semakin banyak tuntutan hidup yang perlu dipenuhi oleh masyarakat itu sendiri. Bermula dari mengejar tuntutan hidup yang semakin meningkat ini menyebabkan manusia moden dihinggapai rasa tamak dan rakus untuk memperolehi kemewahan, kerana tidak dilandasi rasa *qana'ah* dan syukur akan ni'mat Allah SWT. Bermula dari mengejar kehidupan dunia semacam ini jugalah mereka semakin jauh dari kebahagiaan. Mereka memiliki jiwa yang kosong dari nilai-nilai keimanan.

Dari usaha mengejar keperluan hidup yang meningkat maka timbullah perubahan dalam cara pergaulan hidup. Rasa kekeluargaan dan persaudaraan akan terasa semakin renggang. Orang lebih banyak mementingkan diri sendiri dalam mengejar kehidupan dunia. Urusan orang lain tidak lagi menjadi perhatiannya, yang pada akhirnya mereka menganut corak hidup individualistis. Rasa egois dalam diri mereka telah membuat mereka menghalalkan segala cara untuk mendapatkan apa yang mereka inginkan. Aspek agama dan moral tidak dipertimbangkan lagi. Sehingga perbuatan mereka menjadi beban bagi masyarakatnya.

⁴ 'Abd al-'Aziz al-Qussī (1975). *Pokok-Pokok Kesehatan Jiwa dan Mental*. (Terj.) Dr. Zakiah Darajat. Ilmu jiwa jilid II. Bulan Bintang Jakarta h. 11

2.3 Pengertian dan Definisi Penyakit Sosial dan Krisis Moral

Masalah penyakit sosial dan krisis moral dalam masyarakat yang kebelakangan ini semakin membimbangkan menjadi tumpuan kajian dalam penulisan ini. Banyak definisi-definisi yang dikemukakan oleh para pemerhati sosial dan tokoh masyarakat tentang penyakit sosial ini, diantaranya penyakit sosial adalah segala perbuatan atau perilaku segolongan orang dalam sesebuah masyarakat, dimana perbuatan ini membahayakan dan memudaratkan dirinya sendiri, keluarganya dan orang sekelilingnya serta merungsingkan masyarakatnya⁵.

Apabila kita rujuk erti perkataan ini ke dalam kamus, maka di dapati bahawa perkataan penyakit mempunyai erti ; sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit (atau yang mengganggu kesihatan)⁶. Perkataan penyakit dalam kamus ini terfokus kepada tubuh badan, akan tetapi pemakaian perkataan “penyakit” dalam konteks penulisan ini dan fenomena semasa yang berlaku adalah menunjukkan sesuatu keadaan yang serius, teruk dan membahayakan sehingga diistilahkan sebagai penyakit.

Sedangkan yang dimaksud dengan “sosial” adalah segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan⁷.

Dari definisi yang dikemukakan di atas serta erti perkataan tersebut di dalam kamus, maka dapatlah kita ambil kesimpulan bahawa penyakit sosial

⁵ Kertas kerja “Masalah sosial” Forum Intelektual Nusantara, <http://fin97.tripod.com>, 29 Ogos 1997

⁶ Kamus Dewan Edisi ketiga.(2002) Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur hal. 1171

⁷ Ibid hal.1301

adalah : sesuatu perbuatan atau kegiatan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat dan perbuatan tersebut mengganggu serta membahayakan masyarakat tersebut dan perbuatan itu adalah salah sama ada disisi agama atau undang-undang.

Sedangkan perkataan “krisis moral” apabila dirujuk ke dalam kamus, krisis mempunyai erti keadaan tidak stabil atau tidak tenteram yang boleh secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (perkembangan, perubahan) keadaan yang lazimnya mendatangkan kesan buruk, keadaan yang genting, kegentingan, ketegangan, keributan⁸.

Perkataan moral pula mempunyai erti ajaran atau pegangan berkenaan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan) sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak⁹.

Definisi dan pengertian tentang moral ini juga dikemukakan oleh beberapa pemerhati sosial diantaranya yang dikemukakan oleh Iheoma (1986) moral merujuk kepada tingkah laku manusia yang berkaitan mengenai apa yang betul atau salah, baik atau buruk dan apa yang harus kita buat dan apa yang harus kita elakkan. Moral juga berkaitan dengan cara manusia berinteraksi antara satu sama lain, bagaimana tingkah laku mereka mempengaruhi perasaan dan kepentingan orang lain¹⁰.

Krisis moral yang berlaku dalam masyarakat masa ini sering juga diistilahkan dengan keruntuhan akhlak. Yang dimaksud dengan akhlak adalah suatu daya kemampuan *iradah* yang bersifat tetap dalam diri manusia yang

⁸ Ibid hal.712

⁹ Ibid hal.897

¹⁰ Iheoma, E.O.(1986). *The Role of Religion in Moral Education*. Journal of Moral Education Vol 15 no.2 May 1986.

melahirkan rasa cenderung untuk memilih perlakuan yang baik dan lurus jika akhlakanya baik, ataupun cenderung untuk memilih perlakuan yang jahat dan buruk jika akhlakanya jahat¹¹.

Dari beberapa definisi dan pengertian di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan krisis moral adalah : kemerosotan (kerosakan) budi pekerti yang sudah mencapai peringkat yang membimbangkan. Dan yang amat mendukacitakan adalah bahawa berdasarkan kajian, fakta dan perangkaan telah dikenal pasti bahawa golongan terbesar yang telah terjerumus di dalam penyakit sosial dan krisis moral ini ialah golongan remaja¹².

Golongan ini ialah satu golongan yang dianggap masih mentah, yang masih belum boleh berfikiran panjang dan masih mencari-cari arah matlamat yang boleh dijadikan pedoman dan panduan di dalam membina jatidiri.

2.4 Jenis-Jenis Krisis Moral dan Penyakit Sosial Abad Ini

2.4.1 Gejala Samseng dan Jenayah Remaja

Definisi remaja mengikut seorang pakar psikologi *Sebald H* adalah seperti berikut:

Perkataan "*adolescense*" adalah berasal daripada perkataan latin iaitu "*adolescere*". Maksud *adolescere* atau dalam bahasa Melayunya remaja ialah "berkembang" atau "tumbuh ke arah perkembangan". Tahap atau proses

¹¹ Muhammad Sulaiman Haji Yasin (1992). *Akhlak Dan Tasawuf*. Bangi : Yayasan Salman h.8

¹² Utusan Malaysia 13 April 1994

perkembangan ini bermula dari perubahan fisiologi dan berakhir kepada psikososial¹³.

Definisi remaja seperti tertera di atas adalah salah satu daripada sekian banyak definisi remaja yang diberikan oleh pakar dan ahli psikologi. Semua definisi tersebut pada garis besarnya menyatakan bahawa remaja adalah seseorang yang sudah melepasi masa kanak-kanak dan memasuki masa perkembangan dan perubahan dalam dirinya sama ada dari segi fizikal dan juga mental. Keadaan ini menyebabkan diri mereka tidak stabil, keluh kesah dan tidak dapat mengawal emosi. Lantaran itu remaja mudah menghadapi ketegangan dan pergolakan di dalam hidupnya.

Keruntuhan akhlak atau krisis moral di kalangan belia dan remaja bermakna wujudnya krisis kelakuan, tata tertib, maruah dan perbuatan sama ada yang berbentuk lahir atau batin. Ianya ditandai dengan data, kajian, statistik yang menunjukkan meningkatnya salah-laku ketidaktertiban, penggadaian maruah dan perbuatan negatif. Kes-kes bohsia-bohjan, kes-kes juvana, berkembangnya budaya lepak, kegiatan kepada pesta dan muzik yang menghanyutkan adalah antara kes-kes yang membabitkan persoalan keruntuhan akhlak.

Penglibatan remaja di dalam kancah jenayah sudah semakin ketara terutamanya di bandar-bandar besar. Kejadian jenayah di kalangan remaja merupakan salah satu penyakit sosial di dalam masyarakat. Kegiatan jenayah yang mereka lakukan mengganggu ketenteraman awam. Perkara ini bukanlah menjadi rahsia lagi bila semakin ramai remaja terjebak di dalam kegiatan kongsi gelap, peras ugut, sex bebas, memiliki bahan lucah, sindiket pelacuran, perogolan,

¹³ Sebald H (1984). *Adolenscene, A Sosial Psychological Analysis*. New Jersey Prentice Hall h.32

pembunuhan, jenayah curi, dan yang paling ketara sekali ialah penyalahgunaan dadah¹⁴.

Semua kegiatan jenayah ini akan menggelapkan masa depan mereka sendiri lantaran hidup mereka yang sentiasa diburu oleh pihak berkuasa dan juga dibenci oleh masyarakat. Sebahagian besar daripada remaja yang terlibat di dorong oleh suasana persekitaran dan pengaruh pergaulan remaja yang kurang terkawal. Tetapi punca semua masalah ini adalah kurangnya pengajaran agama yang berkesan terutamanya di rumah-rumah, di mana ibu bapa menjadi pendidik yang paling penting.

Walaupun di sekolah ada pendidikan agama, tetapi ianya tidak mencukupi untuk membentuk pribadi remaja, bahkan ia memerlukan tunjuk ajar serta contoh tauladan daripada kedua ibu bapa dan keluarganya. Namun begitu, kerana tuntutan hidup yang semakin meningkat khasnya di bandar-bandar besar, menjadi penghalang bagi ibu bapa untuk memberi perhatian yang secukupnya terhadap anak-anak mereka kerana sibuk mencari rezeki bagi menambahkan pendapatan. Dengan tidak secara langsung hal ini menimbulkan perbagai penyakit sosial seperti jenayah dan keruntuhan moral.

Jenayah remaja sudah menjadi salah satu masalah yang menarik perhatian kalangan pemimpin-pemimpin, ahli-ahli cendekiawan, pihak akhbar dan ibu bapa sendiri. Dari berita-berita yang disiarkan di dapati ramai remaja yang ditangkap dalam operasi membersihkan penagih dadah, pelajar ditangkap bersama kumpulan

¹⁴ Berita Harian 13 Julai 2000

samseng, bergaduh, mencuri dan lain-lain kes jenayah. Semua ini merupakan bukti yang tidak dapat disembunyikan lagi¹⁵.

Dalam suasana masyarakat kita hari ini, terlalu kerap kita membaca berita di akhbar-akhbar tentang perbuatan jenayah yang melibatkan para remaja. Lebih-lebih lagi remaja yang terlibat adalah kebanyakannya dari kawasan-kawasan bandar ataupun di kota-kota. Gejala ini adalah sejajar dengan perkembangan yang begitu pesat di dalam bidang teknologi, industri dan juga urbanisasi. Berita mengenai golongan remaja kini kian hari kian banyak terpampang dalam akhbar-akhbar.

Mereka ini dilaporkan sudah berani bertindak membelasah guru sendiri, bergaduh, memeras ugut, memukul kawan, mencuri, membakar bilik darjah, terlibat dengan pengedaran dadah serta menyertai kumpulan samseng (*gangster*) dan terlibat dalam penyelewengan seksual. Kes-kes tersebut merupakan satu fenomena yang amat serius dan perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak.

Yang dimaksud dengan samseng adalah di mana jika tahap kenakalan remaja sudah sampai keperingkat yang membimbangkan dan ianya sudah mengakibatkan kecederaan yang serius, malah maut kepada sesetengah mangsanya. Perbuatan ini seperti vandalisme, membelasah rakan sekolah, bergaduh sesama sendiri dan lain-lain. Definisi ini dikemukakan oleh Prof. Madya DR. Aili Hanim Hashim, ketua unit psikiatri remaja dan kanak-kanak Pusat Perubatan Universiti Malaya¹⁶.

¹⁵ Dr. Amir Mohd. Salleh (1999). *Kajian Gengsterisme di Sekolah Menengah Harian*. Unit penyelidikan dasar pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

¹⁶ Majalah Wanita. *Fokus Remaja Samseng*. Keluaran Januari 2004

Sedangkan definisi samseng yang dikemukakan oleh DR. Amir Mohd. Salleh adalah individu atau sekumpulan orang-orang yang berkecenderungan melakukan perlakuan negatif atau pelbagai salah laku¹⁷.

Gejala samseng atau gangsterisme di sekolah menengah di seluruh negara juga semakin membimbangkan. Mereka ternyata semakin berani mencabar peraturan sekolah dan tidak takut melakukan kesalahan jenayah termasuk menggunakan senjata merbahaya. Berita Harian 12 Julai 2001 lalu melaporkan dalam tempoh antara tahun 1989-1998 kadar jenayah yang membabitkan remaja lelaki dan pelajar meningkat sebanyak 35 peratus dan 25 peratus bagi remaja perempuan. Kementerian Pendidikan dengan kerjasama polis telah mengenal pasti pelajar di 456 sekolah menengah di seluruh negara terdedah kepada kegiatan samseng. Angka ini bukan sedikit dan menunjukkan gejala ini berada pada tahap yang membimbangkan¹⁸.

Sementara itu bilangan kes pelajar yang terlibat dengan perlakuan gangsterisme dan membakar premis sekolah dari tahun 1997 hingga tahun 1999 menurut sumber kementerian pendidikan Malaysia seperti yang dilaporkan oleh majalah Massa pada bulan Ogos 2000 adalah seperti jadual berikut¹⁹:

Jenis kes	1997	1998	1999
Kes samseng	70	85	107
Membakar premis sekolah	6	19	10

¹⁷ Dr. Amir Mohd. Salleh (1999) op cit

¹⁸ Berita Harian. 12 Julai 2001. *Jenayah Pelajar*.

¹⁹ Majalah Massa 5-11 Ogos 2000

Kalau kita menyerot kembali gejala ini kita akan diperlihatkan kepada pembabitian pelajar dan remaja dalam kes jenayah berat seperti membunuh, merogol, menyamun, mengugut dan kes pukul terdapat juga pelajar yang terlibat dengan dadah, mabuk, memiliki senjata tajam, mencero boh, judi dan membuli.

Seawal belasan tahun remaja dan pelajar sudah terjebak dengan jenayah ekstrem seperti membunuh, merogol dan menyamun. Mereka yang sudah menjinakkan diri dengan kes seperti mencuri motosikal, pecah rumah dan memukul orang tidak mustahil akan terbabit dengan jenayah berat seperti membunuh, sindiket senjata api, pengedaran dadah dan juga rompak senjata api. Mengikut Menteri Pendidikan semasa persidangan di parlimen, statistik kesalahan membunuh, merompak, merogol dan dadah yang dilakukan oleh pelajar menengah di seluruh negara mengikut negeri-negeri dari tahun 1999 hingga tahun 2000 dan pertengahan tahun 2001 ialah 12 kes bunuh, 123 kes rogol dan 51 kes samun dan rompak²⁰.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan berlakunya keruntuhan moral dan jenayah di kalangan remaja. Antaranya ialah :

1. Faktor keluarga

Keluarga merupakan masyarakat kecil yang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan pribadi dan kelakuan seseorang. Sebagai orang yang paling rapat sejak seseorang itu dilahirkan, ibu bapa dalam keluarganya yang akan mewarnai kehidupan seorang bayi sehingga menjadi dewasa. Keluarga juga boleh

²⁰ Utusan Malaysia 17 Oktober 2001. *Jenayah Pelajar*

mendorong seseorang melakukan jenayah sekiranya asuhan yang diterimanya tidak bersesuaian²¹.

Andainya di dalam keluarga sendiri sudah tidak terdapat persefahaman, ketenteraman dan keharmonian, maka keadaan-keadaan ini sudah tentu akan mempengaruhi kelakuan anak-anak. Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca mengapa keluarga itu menjadi salah satu sebab utama berlakunya kegiatan jenayah di kalangan remaja antaranya ialah :

- a. perceraian dan kematian ibu bapa.
- b. Kurangnya didikan agama dari ibu bapa.
- c. Kurangnya perhatian dan kasih sayang²².

2. Faktor Pengaruh Teman-Teman Dan Pergaulan Bebas

Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang banyak terhadap tindakan dan perlakuan para remaja. Ini disebabkan oleh kerana anak-anak berada dengan rakan sebaya lebih lama daripada ibu bapa. Tambahan pula banyak jenis perangai sosial boleh dipelajari dengan hanya berinteraksi dengan teman sebaya, kerana mereka mengalami banyak pertukaran fizikal. Perkembangan sosial dan psikologi yang sama²³.

Dalam kehidupan moden hari ini, menuntut setiap individu berlumba-lumba mengejar kekayaan dan wang ringgit. Dalam kontek ini terdapat juga ibu

²¹ Mohd.Riduan Aslie (1990). *Jenayah Di Malaysia, Aliran, Punca, Penyelesaian*. AMK Interaksi Sdn.Bhd Kuala Lumpur h.266

²² Dr.Kartini Kartono (1986). *Patalogi Sosial 2 : Kenakalan Remaja*. CV Rajawali Jakarta h.60

²³ Muhd.Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd.Tamin (1988). *Psikologi Remaja*. Penerbit Fajar Bakti Kuala Lumpur h.112

bapa yang gagal memenuhi tanggungjawab mereka. Mereka terlalu sibuk dengan tugas di luar rumah sehingga kebajikan anak-anak terabai. Kerenggangan atau wujudnya jurang generasi menyebabkan anak-anak akan mencari tempat mengadu di luar rumah. Mereka biasanya akan meluahkan masalah mereka kepada teman-teman. Jika kebetulannya ada di antara teman-teman tersebut yang terlibat di dalam kegiatan yang melanggar undang-undang dan tata susila seperti terlibat dadah dan jenayah, maka tidak mustahil anak-anak itu turut terjerumus.

Kesimpulannya, teman-teman mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap dan tindakan remaja kerana mereka mempunyai hubungan yang erat di antara satu sama lain melalui pergaulan yang bebas dan tidak terkawal, mereka mempelajari berbagai-bagai ciri penyakit sosial budaya yang tidak asing lagi di negara yang modelnya berteraskan model barat dan sekular ini.

3. Faktor Persekitaran

Faktor persekitaran juga merupakan faktor pendorong bagi para remaja menjadi penjenayah. Keadaan ini wujud kerana pengaruh suasana dan persekitaran masyarakat sekeliling yang ketika ini berhadapan dengan berbagai-bagai masalah jenayah dan krisis sosial. Kes-kes jenayah semakin bertambah dan kegiatan jenayah juga kini tidak lagi hanya berlaku di kalangan yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah, malahan dalam setengah-setengah kes jenayah sekarang ini ada yang melibatkan golongan-golongan profesional dan berstatus hidup yang tinggi.

Fenomena ini lebih serius berlaku di kalangan pelajar di bandar-bandar besar yang menjadi tumpuan berlakunya kejadian jenayah, kumpulan samseng, penyelewengan sosial dan pelbagai bentuk pelanggaran moral. Sebagai

sebahagian daripada anggota masyarakat kota, remaja turut dibentuk sebagai manusia-manusia yang individualistik, pentingkan kebendaan dan tidak mementingkan tanggungjawab sosial. Semua nilai tersebut juga merangsang perlakuan jahat sewenang-wenangnya dan membuka ruang serta peluang yang luas kepada penjenayah untuk bertindak. Pada beberapa tahun terdahulu jumlah para remaja di luar bandar yang terlibat dengan jenayah agak sedikit jika dibandingkan dengan jumlah para remaja di bandar. Ini berkemungkinan kerana mereka tinggal dalam masyarakat yang masih aman tenteram dan dalam keadaan jenayah yang agak terkawal. Kawalan sosial yang agak kuat dan masih mampu mendidik mereka menjadi manusia yang baik. Tetapi hal ini tidak akan bertahan lama kerana remaja luar bandar juga mulai terdedah kepada hal-hal yang negatif seperti halnya rakan-rakan mereka di bandar-bandar.

4. Pengaruh Media Massa

Media massa merupakan satu alat yang terpenting di alam bidang komunikasi massa. Media massa sama ada media cetak atau media elektronik telah mengalami dan menempuh berbagai-bagai tahap kemajuan dan perkembangan bersesuaian dengan arus kemajuan sains dan teknologi. Dari sudut pandangan yang positif, jelas ketara kepada kita manfaat yang banyak didapati melaluinya. Yang paling penting media massa berperanan dalam penyebaran maklumat, mendidik individu dan memberi hiburan²⁴.

Namun begitu, kemajuan yang dicapai oleh manusia dalam media massa itu telah menimbulkan konflik yang membimbangkan. Fenomena jenayah dan keruntuhan akhlak dan moral di kalangan remaja hari ini begitu berleluasa sekali

²⁴ Mohd. Riduan Aslie (1990). *Op.cit* h.278

yang mana salah satu dari puncunya adalah kesan dari pengaruh media massa. Di antara dua media iaitu media cetak dan media elektronik, media elektronik adalah lebih kuat pengaruh ke atas masyarakat, lebih-lebih lagi para belia kerana media elektronik adalah merupakan sumber berita, sumber informasi, bahkan sebagai tempat untuk merehatkan otak dan menenangkan fikiran serta melepaskan tekanan perasaan.

Sikap begini adalah kerana para belia lebih cenderung untuk terus menjadi penerima mesej yang pasif, suka membiarkan dirinya, sikapnya dan pemikirannya dikuasai oleh media. Kejahilan belia di sebabkan oleh ketidakanggapan mereka berfikir secara kritis, secara analitikal dan secara objektif. Mereka cuma memikirkan hal-hal yang mudah, ringan dan menyeronokkan²⁵.

Adalah jelas walaupun tidak sepenuhnya benar bahawa sebahagian besar dari kejahatan dan perbuatan jenayah yang ditiru dari dunia barat yang terjadi dalam masyarakat kita sekarang ini adalah sebahagiannya dipelajari dari filem-filem, akhbar-akhbar dan majalah.

Di samping filem-filem, bahan bacaan dan gambar-gambar yang sengaja menghebatkan nafsu seks, kekejaman dan kebiadapan yang menggairahkan boleh didapati dengan mudah di mana-mana sahaja. Apa yang dilihat itu akan menimbulkan kehairahan dan keinginan untuk mencuba jika ada kesempatan.

5..Faktor Kemiskinan

Kemiskinan adalah merupakan salah satu dari masalah sosial. Ia bukan sahaja memberi kerugian kepada pihak keluarga yang mengalaminya, bahkan juga

²⁵ Jaa'far Abdul Rahim(1986) .*Belia Sasaran Utama Media*.Dewan Budaya Oktober 1986 h.7

kepada negara. Walau bagaimanapun di peringkat kekeluargaan, masalah kemiskinan ini menimbulkan pelbagai perkara yang tidak menyenangkan. Kemiskinan menjadi punca terdorongnya kelakuan-kelakuan jahat sama ada kejahatan seks ataupun kejahatan material.

Desakan hidup lantaran kemiskinan menyebabkan seseorang itu mencari jalan keluar yang singkat bagi mengatasi segala masalah kewangan. Kemiskinan yang dihadapi serta kesukaran untuk mendapat pekerjaan yang baik mendorong seseorang itu melakukan perkara yang di luar batas keagamaan, umpamanya sanggup menggadaikan maruah diri melalui kegiatan pelacuran, menjadi perempuan simpanan dan lain-lain. Mereka juga sanggup melakukan perkara yang di luar batas kemanusiaan seperti merogol, membunuh, menculik dan lainnya.

6. Faktor Dalaman

Selain daripada faktor luaran yang telah disebutkan, faktor dalaman juga menyebabkan remaja terlibat dengan jenayah. Antara faktor dalaman itu ialah pewarisan. Iaitu sifat yang diwarisi dari ahli keluarganya, contohnya sifat suka mencuri. Hal ini akan mempengaruhi hidup anak-anak dan para remaja yang memandang mencuri itu sebagai cara hidup mereka. Tingkahlaku jenayah orang tua mudah sekali bertukar kepada anak-anak, lebih-lebih lagi perkara itu terlalu senang bagi anak-anak remaja untuk melakukannya. Keadaan ini terjadi kerana jiwa mereka belum stabil dan mengalami gelora di dalam proses mencari identiti.

Ikutan secara praktikal sangatlah berkesan sama ada dalam perkara baik atau dalam perkara jahat. Perkara yang amat menduka citakan ialah contoh

tauladan yang buruk tersebar luas di kalangan masyarakat²⁶. Ini berlaku jika terdapat saudara mara remaja yang terdiri daripada orang yang pemabuk, penagih dadah dan juga penjenayah.

Ibu bapa yang suka menyekat kemahuan dan keinginan anak-anaknya sering menanam benih-benih kelakuan nakal dan abnormal di dalam jiwa anak-anak, kerana anak-anak yang tertahan kemahuannya akan memberontak dan secara perlahan-lahan membentuk perasaan benci, suka berdusta, menipu dan sebagainya. Apabila sekatan itu berpanjangan, maka kelakuan itu akan mendalam dan menjadi bawaan hidup yang akan datang²⁷.

2.4.2 Penyelewengan Seksual

Di satu sisi, tamadun Barat memberi manusia kemajuan sains dan teknologi, akan tetapi di sisi lain ia juga cuba membebaskan manusia dari semua ikatan agama dan akhlak, demi hendak memberi kebahagiaan kepada umat manusia. Malangnya tujuan tersebut telah mengakibatkan sebaliknya, di mana ia telah menyebabkan manusia kehilangan pegangan lalu menurutkan keinginan hawa nafsu mereka secara berlebih-lebihan dan tidak keruan²⁸.

Dalam kehidupan masyarakat moden saat ini telah terjadi suatu fenomena yang di sebut “*westoxication*” yang dapat diartikan sebagai proses peracunan barat. Hal ini dapat diamati dan dirasakan sendiri dalam kehidupan sosial kemasyarakatan manusia moden. Nilai-nilai luhur kehidupan sosial masyarakat

²⁶ Mustafa Masyhur (1989). *Suri Tauladan Di Sepanjang Jalan Dakwah*. (Terj.) Mudasir Rosder Dewan Pustaka Fajar Kuala Lumpur h.33

²⁷ Mahmood Nazar Mohammad (1990). *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur h.33

²⁸ Fathi Yakan (1992). *Seks Dari Sudut Islam*. (Terj.) Ahmad Nasaruddin Ismail. Penerbitan al-Masyhur Sdn.Bhd.h.2

yang dijaga daripada dulu lagi secara turun temurun, secara perlahan-lahan dan bahkan secara drastik telah mengalami penghakisan yang cukup tajam²⁹.

Gejala-gejala *westoxication* ini dapat diamati pula dari perilaku masyarakat kita saat ini terutamanya dari segi pergaulan. Pola hidup free sex (seks bebas) semakin bermaharajalela dalam kehidupan masyarakat moden abad ini. Kondisi masyarakat kita kian parah dan mulai kehilangan jati diri sebagai orang timur yang memegang teguh nilai-nilai moral dan etika. Hal ini sangat menggerunkan. Gejala seks bebas kian merebak di dalam kehidupan masyarakat, dan menjadi penyakit sosial yang sangat merbahaya. Perzinaan, hidup sebumbung tanpa pernikahan, pelacuran, homoseksual menjadi sesuatu yang biasa dalam kehidupan masyarakat moden saat ini.

Kesemua penyakit sosial ini (zina, pelacuran, homoseksual dan sebagainya) pada masyarakat telah membawa suatu penyakit yang amat merbahaya yang dikenali dengan nama AIDS. Penyakit ini berpunca dari virus yang menyerang dan melumpuhkan sistem pertahanan badan manusia. Sekiranya sistem pertahanan badan dilemahkan dengan virus AIDS, maka akan menjadikan orang tersebut hilang daya tahan, dan seterusnya terdedah kepada berbagai penyakit, yang lama kelamaan pengidapnya akan menghadapi keadaan yang amat buruk dan boleh membawa kepada kematian.

AIDS merebak melalui saluran yang diharamkan oleh Islam, iaitu melalui hubungan sesama jenis (homoseksual), zina, pelacuran, berkongsi jarum suntikan oleh penagih dadah. Dan AIDS lebih mudah merebak di dalam masyarakat yang

²⁹ Prof.Dr. Amin Rais(1998). *Buletin Mitra Keluarga* Mei 1998

sedang menghadapi keruntuhan akhlak dan masyarakat yang membelakangkan akidah dan syariat Allah SWT.

2.4.2.1 Zina (seks bebas) dan Homoseksual

Salah satu penyakit sosial yang tengah merebak dan bermaharajalela di dalam kehidupan masyarakat moden saat ini adalah seks bebas atau zina. Islam dengan tegas mengharamkan perbuatan zina, kerana zina adalah suatu cara saluran tenaga jantina yang menyeleweng, membawa kepada hancurnya keturunan, runtuhnya susunan keluarga dan masyarakat, punca kepada tersebarnya penyakit-penyakit kelamin dan AIDS, yang kini sedang melanda masyarakat moden, hingga ke hari ini pakar-pakar perubatan moden belum lagi menemui sebarang ubat yang dapat menyembuhkannya. Pengharaman jenayah zina telah ditegaskan di dalam al-Qur'ān di dalam surah *al-Isrā'* ayat 32 :

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا (٣٢)

Ertinya : Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya perbuatan zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk.

Terjemahan Surah al-Isrā'(17):32

Ketika seseorang itu terperangkap dalam perzinaan, maka kemungkinan ia melakukan kejahatan lain sangat terbuka, artinya perzinaan menjadi *embrio kriminogen* (Punca perbuatan kriminal) yang mendorong terjadinya bentuk kejahatan lainnya seperti pembuangan bayi yang dihasilkan kerana hubungan perzinaan ini, ataupun penggugurannya sebelum dilahirkan.

Pembuangan bayi yang tidak berdosa akibat hubungan zina ini seakan menjadi trend saat ini. Setiap hari akhbar-akhbar dan berita televisyen menyiarkan kes-kes yang membabitkan pembuangan bayi. Bayi dibuang di dalam semak, tandas awam, longkang dan lain-lain. Pembuangan serta pengguguran bayi (*aborsi*) ini adalah merupakan salah satu akibat negatif daripada seks bebas atau zina yang membuahkan kehamilan yang tidak dikehendaki (*unwanted pregnancy*)³⁰.

Zina adalah satu perbuatan yang sangat keji dan terkutuk dan sejahat-jahat maksiat, kerana zina itu memberikan anak-anak tersebut keturunan yang bukan daripada ayah mereka sendiri. Dan ianya mencampurbaurkan bibit keturunan yang boleh menyebabkan peperangan dan pertengkaran. Zina juga menyamaratakan darjah atau taraf manusia dengan taraf binatang. Kekejian zina diakui oleh masyarakat atau umat yang ingin mendapatkan posisi terhormat dalam kehidupan. Sebab, prinsip ini akan menghiasi masyarakat dengan emosi yang terpuji dan moral yang tinggi bagi kemajuan kehidupan.. Adalah suatu realiti yang sah, bahawa perbuatan tercela seperti zina itu akan menghalangi pelakunya dari kebersihan jiwa, keindahan roh, bahkan mengubahnya menjadi haiwan yang berperasaan keji dan berpandangan gelap. Zina juga mengakibatkan kefakiran. Ini dapat dibuktikan. Sebab, zina akan menyia-nyiakan potensi-potensi individu mahupun masyarakat ke dalam keasyikan menikmati kelazatan-kelazatan yang dilarang. Zina akan memalingkan orang dari keseriusan kerja dan ikhlas beramal, menuju perbuatan menghabiskan banyak harta dengan segala akibat yang ditimbulkannya. Zina juga mengurangi umur. Ini sudahpun dibuktikan bahawa umur berkurang di karenakan keadaan serius melakukan perbuatan keji yang akan

³⁰ Akhbar Surabaya Post 9 Desember 1997

menuju kepada hilangnya kesihatan dan kerosakan fizikal jika seseorang itu terbabit dalam dunia yang kotor ini. Sebab ianya merupakan perbuatan yang menunjukkan kerendahan moral dan bencana³¹.

Kebebasan seksual jelas mengganggu keamanan dan kedamaian kaum muslimin, sebab hal itu merupakan proses yang menghentam setiap nilai luhur, melumatkan setiap potensi yang bermanfaat. Orang yang menghormati dan memuliakan kemanusiaan mesti memerangi kebebasan seks, bahkan mesti membasminya hingga ke akar-akarnya. Islam telah menawarkan jalan keluar supaya terhindar dari segala bentuk penyelewengan seks. Iaitu dengan mengajarkan prinsip perkawinan untuk menyahut panggilan atau dorongan seksual. Institusi rumah tangga menurut ajaran Islam merupakan sistem yang paling ideal, yang dapat menjamin pemecahan masalah kebebasan seksual.

Yang amat membimbangkan adalah bahawa gejala seks bebas (zina) di kalangan pelajar semakin menular dan meningkat terutamanya pelajar di kawasan bandar dan kota. Apa yang menyedihkan kita ialah penglibatan mereka mula dikesan seawal usia 13 tahun ketika mereka berada di tingkatan satu dan dua.

Seorang guru disiplin di sebuah sekolah menengah mendedahkan bahawa beliau menemui kondom yang disimpan dalam beg oleh pelajar wanita di sebuah sekolah di Taman Melawati Kuala Lumpur. Kondom itu ditemui ketika pemeriksaan mengejut dilakukan di sekolah tersebut³².

³¹ Dr. Mustafa Abdul Wahid (1995). *Al-Islam Wa al-Musykilah al-Jinsiyyah*. Dār al-I'tisām Misr h.34

³² Berita Harian 31 Mei 2000. *Tangani masalah remaja lebih serius*.

Menurut Ketua Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur, Datuk Mat Zain Ibrahim, seks bebas dan jenayah seksual di ibu negara semakin membimbangkan. Menurut beliau pada bulan Jun 2001 seramai 230 remaja bawah umur yang terlibat dengan seks haram berjaya diselamatkan dan dihantar ke pusat pemulihan akhlak³³.

Homoseksual juga merupakan salah satu daripada bentuk penyelewengan seksual. Di dalam Islam hukum homoseksual dikategorikan dan sama hukumnya dengan zina. Fenomena yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini, homoseksual telah menjadi sesuatu yang biasa dan meluas dalam masyarakat. Perbuatan ini telahpun menjadi penyakit sosial pada saat ini dan ianya sangatlah dibenci, ditolak oleh akhlak Islam, menyeleweng yang amat luar biasa dan dahsyat dari undang-undang alam dan hukumnya. Menurut perangkaan ada puluhan juta orang yang mengamalkan homoseksual di dunia ini.

Homoseksual di dalam Islam dikenali juga dengan *liwat*. Asal nama liwat ialah merujuk kepada kaum Nabi Luth, di mana dahulunya penyakit ini tersebar luas sehingga Allah SWT menurunkan bala dan azabNya. *Homoseksual* atau liwat adalah hubungan seks antara lelaki dengan lelaki. Sesetengah orang juga menggunakan istilah *sodomy* bagi liwat ini. Perkataan ini ternyata berasal dari nama sodom iaitu salah sebuah bandar bagi kaum Nabi Luth yang padanya tersebar penyakit yang luar biasa berdosa ini³⁴.

Liwat adalah satu keluarbiasaan yang amat jauh dari fitrah, dibenci oleh perasaan sihat, ditolak oleh akhlak (*maruah*) kelakian dan kehormatan. Ia adalah

³³ Jabatan Jenayah Polis Diraja Malaysia <http://www.rpm.gov.my> 2004

³⁴ H.Salim Bahreisy (1980). *Sejarah Hidup Nabi-Nabi (Qashashul Anbiya)*. Surabaya PT Bina Ilmu h.124

penyelewengan yang amat luar biasa. Jadi tidak hairanlah jika pendirian Islam terhadap sikap buruk ini amat tegas dan keras.

Kebanyakan ilmuwan dan ahli-ahli sejarah berkeyakinan bahawa liwat tidak pernah diketahui orang sebelum apa yang dilakukan oleh penduduk sodom. Apabila perkara luar biasa ini tersebar luas di kalangan mereka, maka kaum wanitanya pula lalu melakukan lesbian antara sesama mereka untuk memadamkan hasrat nafsunya. Penyelewengan seksual seperti melakukan hubungan dengan sesama jenis ini (homoseksual-lesbian) adalah termasuk dalam kategori zina.

Sepanjang tafsiran ilmu berkaitan dengan hubungan sejenis ini beberapa ilmuwan telah mengemukakan beberapa teori, yang paling menonjol ialah pendapat yang mengatakan bahawa kelakian dan kewanitaan yang sempurna hanyalah kemestian aqli semata-mata, ia tidak wujud di dalam kenyataan sebenar. Percubaan-percubaan ilmiah menunjukkan bahawa terdapat unsur kelakian pada kaum wanita dan sebaliknya terdapat unsur kewanitaan pada kaum lelaki. Nisbah unsur ini berbeza-beza pada kedua belah pihak dan dialah yang menjadi dorongan semulajadi kepada keluarbiasaan³⁵.

Sekiranya kita terima teori ilmiah di atas itu maka apakah pula tafsirannya bagi berbagai-bagai jenis keluarbiasaan lain, seperti melakukan hubungan dengan haiwan, mendapat kepuasan seks dengan barang-barang lawan jenis kekerasan dan berbagai-bagai lagi jenis lainnya ? Kita tidak mempunyai apa-apa tafsiran berhubung dengan keluarbiasaan ini selain daripada ianya adalah hasil nafsu, sikap dan adat kebiasaan yang sakit, cacat dan cela. Satu hal yang tidak mungkin wujud di dalam masyarakat sihat, walaupun ada hanyalah dalam

³⁵ Fathi Yakan (1992). *Op.cit* h.51

lingkungan yang amat sempit dan terbatas, tidak lama kemudian akan pupus begitu sahaja. Apa yang terjadi hari ini adalah hasil huraian dari kesalah tanggapan terhadap tugas jantina di mana kenikmatan yang datang darinya menjadi matlamat yang hendak dituju tanpa mengira cara dan jalannya.

2.4.2.2 Pelacuran

Pelacuran atau prostitusi adalah salah satu bentuk penyelewengan seksual, dan ianya juga merupakan salah satu penyakit sosial saat ini yang menggambarkan keruntuhan akhlak yang dahsyat masyarakat moden abad ini.

Pelacuran dalam pelbagai bentuk telah ada sejak zaman dahulu lagi. Hal ini bergantung pada nilai-nilai ekonomi sosial dan seksual suatu masyarakat. Wanita kerap kali memasuki dunia pelacuran kerana paksaan ataupun tekanan ekonomi. Pelacuran pada mulanya tersebar luas di masyarakat non industri. Pertukaran isteri-isteri oleh suami mereka dipraktikkan oleh ramai penduduk non industri. Di timur tengah dan di India kuno, kuil-kuil membela pelacur dalam jumlah yang banyak. Wanita-wanita ini seringkali berpendidikan tinggi dan mempunyai profesion sebagai penari, penyanyi, pengarang dan penyair, dan menariknya lagi mereka memiliki akses kepada kesenian yang tidak dapat dimasuki wanita lain. Hubungan seksual dengan mereka dikatakan dapat membantu kerukunan dengan dewa-dewa³⁶.

Di Yunani kuno, pelacuran tumbuh subur di semua peringkat masyarakat. Pelacur tingkat terendah bekerja di rumah pelacuran yang diberi izin, sedangkan

³⁶ Ratna Batara Munti S.Ag (2000). *Kekerasan Seksual : Mitos Dan Realitas, Kelemahan Aturan Dan Proses Hukum Serta Strategi Menggapai Keadilan*. Makalah seminar lembaga bantuan hukum asosiasi perempuan indonesia untuk keadilan. Jakarta September 2000 h.10

pelacur tingkat lebih tinggi biasanya berprofesi sebagai penari dan penyanyi. Dan mereka yang berada di tingkat tertinggi disebut "*hitaerae*", mereka ini mempunyai ruangan khusus dan para politikus sering melanggani mereka.

Sedangkan di Romawi kuno pelacuran tetap umum walaupun ada batasan hukum yang ketat. Hamba wanita yang ditangkap di luar negeri oleh para rejim Roma, dipaksa memasuki rumah pelacuran di bandar atau di dimanfaatkan oleh pemilik rumah di mana mereka bekerja. Pemerintah berkuasa Roma berusaha untuk membatasi pelacuran hamba ini, dan seringkali berakhir dengan kekerasan³⁷.

Pada abad pertengahan, gereja Kristian yang mengaku sangat menjunjung tinggi kesucian, mencuba untuk menyedarkan dan mengajak para pelacur kembali ke pangkal jalan, namun mereka menahan diri dari berkempen melawan institusi pelacuran. Dengan demikian gereja mengikuti ajaran santonius yang berpegang bahawa penghapusan prostitusi atau pelacuran akan menimbulkan lebih banyak bentuk penyelewengan seksual yang lebih ekstrem lagi, kerana kaum lelaki akan terus mencari kontak seksual di luar pernikahan. Pada akhir abad pertengahan, rumah-rumah pelacuran yang di beri izin semakin subur di seluruh Eropa, yang mendatangkan penerimaan cukai yang besar untuk petugas pemerintah dan petugas kristiani yang korup. Di Asia pula pelacuran secara umum diterima.

Selama abad ke 16, pelacuran merosot tajam di Eropa, hal ini adalah akibat daripada perlawanan keras dari Kristian protestan dan Katolik Roma. Mereka mengutuk kegiatan-kegiatan tidak bermoral, rumah-rumah pelacuran dan penghuninya dan menuduh bahawa pelacuranlah penyebab berjangkitnya penyakit

³⁷ Ibid h.11

kelamin seperti sifilis yang sebelumnya merupakan penyakit yang tidak diketahui. Oleh itu, maka rumah-rumah pelacuran di banyak bandar ditutup oleh pemerintah. Peraturan inipun dikuatkuasakan di Paris, pada tahun 1635, pelacur-pelacur dicambuk dan dibuang seumur hidup tanpa pengadilan rasmi³⁸.

Namun perlakuan yang kejam ini tidak dapat membanteras penyelewengan seksual ini, bahkan pada abad ke 18 dan 19 pelacuran makin berkembang mengiringi industrialisasi dunia barat. Malah pelacuran semakin terancang dengan rapi, seperti pendaftaran wajib pelacur, pemeriksaan kesehatan pelacur serta rumah pelacuran yang diberi izin semakin banyak³⁹.

Pelacuran di abad akhir 20 semakin beragam bentuknya, malah gadis-gadis yang mempunyai profesi sebagai pelacur ini semakin berani dengan aktiviti mereka. Mereka mempunyai alamat yang tersendiri untuk dihubungi dan mempunyai pelanggan tetap. Tanpa segan silu mereka menunggu pelanggan mereka di tepi-tepi jalan, hotel-hotel, disko-disko dan lain sebagainya.

Dari statistik Polis Kuala Lumpur melalui sumber akhbar Utusan Malaysia, mendapati wanita Melayu merupakan kaum yang paling ramai terlibat dalam pelacuran iaitu dengan 60 peratus diikuti kaum Cina sebanyak 30 peratus lain-lain kaum 8 peratus dan kaum India dengan peratusan yang paling rendah iaitu 2 peratus⁴⁰.

Secara umum, faktor yang menyebabkan seseorang wanita terjun ke lembah pelacuran adalah kemiskinan, dicerai suami, keruntuhan rumah tangga,

³⁸ Ibid h. 12

³⁹ Akhbar harian Kompas 3 April 2000

⁴⁰ *Kertas fakta pelacuran, lucah dan eksploitasi wanita*. (2004) TERAS pengupayaan melayu dan majlis bertindak wanita Islam Malaysia. <http://www.tblog.com>. 18-2-2004

ditipu lelaki dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita perhatikan saat ini, ramai gadis-gadis yang menjadi pelacur bukan berdasarkan faktor-faktor diatas⁴¹.

Ramai di antara mereka adalah golongan orang berada, tetapi mereka menjadi pelacur hanya sebagai pelampiasan kerana rasa bosan atau marah kerana tidak mendapat perhatian orang tua.

Pada mulanya mereka hanya sekadar mengisi kekosongan, akan tetapi lama kelamaan akan menjadi profesion, sebab kalau sudah terjerumus ke dalam jurang pelacuran akan sukar untuk keluar daripadanya.

Sesetengah wanita lagi termotivasi untuk menjadi pelacur kerana mereka memilih alternatif mendapatkan wang dengan lebih cepat dan lebih banyak tanpa bersusah payah. Mereka ini menjadi pelacur bukan kerana mereka berada di dalam kemiskinan, tetapi kerana pelacuran adalah satu alternatif yang terbaik bagi membolehkan mereka mencapai taraf hidup yang paling tinggi, selain daripada tarikan kewangan ini, keadaan pekerjaan pelacur juga merupakan satu tarikan yang kuat. Kebebasan dan keseronokan inilah yang mendorong mereka untuk melacurkan diri.

2.4.2.3 Sumbang Mahram

Gejala sumbang mahram adalah suatu penyakit yang amat buruk malah lebih buruk daripada gejala zina biasa. Hukumannya adalah sama seperti peruntukkan hukuman zina malah boleh berlaku di atas pemerintahan Islam untuk menjatuhkan

⁴¹Abdul Hadi Zakaria tt.*Beberapa Aspek Tentang Kewujudan Pelacuran Di Kalangan Wanita Dan Gadis*. Jabatan Antropology dan Sosiologi Universiti Malaya h.11

tambahan hukuman *takzir* ke atas si pelaku demi *masalah 'ammah* dan maksud menghalang gejala ini dari terus menular tanpa kawalan⁴².

Jika dilihat dari segi maknanya sumbang mahram adalah : perhubungan seks haram di antara mereka yang ada pertalian darah dan tidak sah berkahwin. Kebelakangan ini kes sumbang mahram yang berlaku amat membimbangkan dan semakin meningkat dari hari ke hari. Mengikut statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) perangkaan kes sumbang mahram yang berlaku pada tahun 1999 sehingga Mac 2002 menunjukkan peningkatan yang ketara. Mengikut laporan itu pada tahun 2001 sebanyak 158 kes dilaporkan berbanding 136 pada tahun sebelumnya, manakala pada tahun 2002 sehingga Mac sebanyak 46 kes telah dilaporkan. Kebanyakan kes berkenaan membabitkan bapa, bapa saudara, abang, sepupu, datuk saudara dan saudara lelaki. Mengikut laporan itu juga, pada tahun 1999 sehingga bulan Mac 2002 dilaporkan kes sumbang mahram berikut golongan yang melakukannya adalah :

- Bapa : 232 kes
- Bapa saudara : 144 kes
- Abang : 54 kes
- Adik : 1 kes
- Sepupu : 42 kes
- Datuk : 23 kes

⁴² Zaharuddin Bin Abd.Rahman(2003). *Persoalan Hukum Berkaitan Sumbang Mahram*.
<http://www.tranungkite.net>. 12 Sept 2003

-Datuk saudara : 8 kes

-Saudara lelaki : 20 kes⁴³

Dari data statistik yang dipaparkan di atas membuktikan bahawa kes sumbang mahram ini semakin membimbangkan dan merupakan penyakit sosial yang amat merbahaya.

2.4.2.4 Rogol

Masalah rogol adalah merupakan satu masalah yang berlaku ke atas wanita tanpa mengenal kaya atau miskin, meliputi semua kaum, budaya, agama, sama ada berpendidikan tinggi atau tidak mempunyai pendidikan, suri rumah ataupun wanita yang bekerja. Dan yang lebih menyedihkan lagi kebelakangan ini ramai golongan kanak-kanak yang menjadi mangsa perbuatan terkutuk ini. Dan mereka bukan hanya dirogol tetapi juga dibunuh⁴⁴.

Rogol melibatkan hubungan seksual yang dipaksa dan tanpa kebenaran dan ia adalah suatu bentuk keganasan. Definisi ini dikemukakan oleh Hilberman⁴⁵.

Kebelakangan ini, hampir setiap hari kita membaca berita tentang kejadian rogol melalui media, malahan ia menjadi isu yang ditakuti oleh wanita, perangkaan yang didapati dari jabatan Polis pada tahun 1999 sehinggalah tahun 2002 menunjukkan peningkatan kes setiap tahun. Diantara negeri-negeri yang menunjukkan ketara setiap tahun adalah Selangor, Johor dan Sabah⁴⁶.

⁴³ <http://www.utusanonline.com>. 9 Mac 2004

⁴⁴ Prof.Madya Syed Omar bin Syed Agil (2004). *Kes Ngeri Rogol dan Bunuh Remaja dan Kanak-kanak*. Beberapa pengajaran. <http://www.utusanonline.com> 3 Mac 2004

⁴⁵ <http://www.geocities.com/kaunseling.htm> 21 Julai 2002

⁴⁶ Jabatan Jenayah Polis Diraja Malaysia <http://www.rpm.gov.my> 2004

Mangsa rogol selalunya akan mengalami kesan emosi yang negatif dan berpanjangan pada jiwa mereka. Keadaan ini bukan hanya disebabkan keganasan perlakuan akibat dirogol tetapi juga kebimbangan dan malu berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Kekurangan sokongan sosial menyebabkan mangsa selalu bertindak merahsiakan kejadian dan penderitaan yang dialami. Sindrom trauma rogol tidak akan hilang dengan cepat. Ada kalanya mangsa terpaksa menanggung sepanjang hayat.

2.4.3 Arak, Dadah dan Ubat Terlarang

Arak adalah ibu daripada segala kejahatan, induk daripada segala kerosakan dan bibit dari segala kemusnahan. Arak sudah ada sejak dari ribuan tahun yang silam. Berbagai-bagai agama telah diturunkan Allah SWT untuk membasmi segala kejahatan manusia, melaung manusia menidakkan kemurnian, kebebasan dan kewarasan akalanya. Walau bagaimanapun manusia tetap juga berlumba-lumba membuat beraneka jenis arak, pelbagai jenis minuman yang memabukkan pada mulanya dibuat secara kuno, sederhana dan berbentuk primitif, diperam di dalam pasu, tempayan dan sebagainya. Manakala sampai ke abad moden ini manusia sudah pandai membuat arak secara maju dan berbentuk moden. Arak tersebut dibuat di makmal.kilang-kilang dengan kaedah yang dikatakan saintifik, diwarna warnikan untuk menarik perhatian peminatnya.

Arak atau alkohol itu bukanlah penyakit yang baru timbul sejak adanya peradaban atau sejak manusia mengenal tamadun. Malahan manusia primitifpun sudah pandai membuat arak, untuk dirinya sendiri atau masyarakat kolompoknya. Dan inilah salah satu daripada penyakit lama, sejak dari Allah SWT menjadikan manusia penghuni alam ini. Kerana manusia itu menurut tabi'atnya suka mencari

yang sedap dan enak rasanya, tidak memandang dan tidak pula mahu memikirkan akibat dan kemelaratan yang akan menimpa dirinya kelak. Semakin dilarang dan diadakan undang-undang pencegahan yang ketat untuk melarang peminum-peminumnya dan penggemar-penggemarnya, semakin mereka berusaha sedaya upaya untuk mencari benda yang dapat mengkhayalkan, dan dapat melalikan urat sarafnya buat sementara atau sebentar sahaja. Selepas itu ia akan bertukar menjadi makhluk yang bukan insan, walaupun jasadnya berbentuk dan bertubuh manusia.

Otak adalah anggota tubuh manusia yang terpenting dan amat berguna kepada manusia, kerana di sanalah pemusatan segala urat saraf, dan otaklah yang dinamakan rumah akal, menjadi markas, pusat atau tampuk pemerintahan segala anggota tubuh. Dan ianya adalah satu anugerah yang tidak ternilai harganya kepada tiap-tiap manusia, kerana dengannyalah manusia itu dapat diperbezakan dengan makhluk-makhluk yang rendah martabat kejadiannya. Akal itu dari fitrah semula jadinya adalah bersih dari noda, bersih dari segala kecemaran dan kekotoran, tetapi bila diberikan kepada seseorang makhluk manusia yang tidak tahu atau salah menggunakannya, maka lenyaplah nilainya yang sebegitu mahal.

Akal adalah dewan tertinggi yang memutuskan segala hal yang bersangkutan dengan jentera pemerintahan tubuh seseorang manusia. Segala berita susah dan sedih, berita senang dan gembira, segala hal ehwal perjalanan mengenai anggota tubuh seluruhnya diadili dan dihukumi jahat baiknya oleh akal. Tetapi jikalau akal itu sudah dijajah, diperhamba, atau dihilangkan dari kekuasaannya ke atas anggota tubuh, sudah dicabut, dibatalkan, dan dimusnahkan oleh cairan dan minuman yang memabukkan, maka tiada lagi erti dan guna akal.

Apabila seseorang sudah berada di bawah kuasa arak, maka ia tidak akan dapat mengontrol lagi segala perbuatan yang dilakukan oleh anggota tubuhnya yang lain. Banyak kerosakan dan kebinasaan yang ditimbulkan oleh arak. Seseorang yang mabuk kerana arak akan dapat membunuh, mencuri, merogol dan pelbagai perbuatan hina lainnya.

Dalam dunia manusia sekarang, di abad serba moden ini, arak sudah menjadi minuman biasa, senang didapati, mudah dibeli, dijual di sana sini, diberi lesen keizinan menjualnya, dijadikan hasil negara dan rakyat ditolong kononnya dengan hasil uang itu. Iklan-iklan arak didapati di merata-rata tempat. Surat kabar, radio, TV, dan majalah-majalah diperhambakan untuk kehancuran manusia.

Dalam masa pemerintahan Rasulullah Saw dan pemerintahan Khulafa al-Rasyidin dahulu, tidak ada penjualan arak dengan cara terang-terangan mahupun dengan sembunyi-sembunyi. Pembuat, peminum, penjual dan penggemar dihukum dengan hukuman yang berat. Perbuatan itu dilarang keras, undang-undang negara bertindak, itulah sebabnya dengan senang dapat dicegah. Kerosakan yang disebabkan arak dapat dikontrol, fikiran rakyat dapat didisiplinkan, dibawa ke arah cita-cita yang satu, iaitu cita-cita menurut keredhaan Allah SWT.

Undang-undang yang melarang minum arak dan minuman keras lainnya ini sudah termatri dengan jelas di dalam al-Qur'an, kemudian diterangkan dan dijelaskan pula oleh ajaran Rasulullah Saw. Selepas itu pula disebarikan oleh para sahabat yang empat yang dikenali dengan Khulafā al-Rāsyidīn dan tābi'in, sehingga kini ajaran tersebut masih suci dan belum dicampurbaurkan, asasnya

masih tetap berdiri dengan megahnya di dalam al-Qur'an dan sunnah Rasulullah SAW.

Kita sebagai umat Islam yang cintakan kebersihan jasmani dan rohani, yang inginkan ketenteraman jiwa, perdamaian idiologi dan kemerdekaan akal mestilah mematuhi segala ajaran-ajaran Islam yang termaktub di dalam al-Qur'an serta menjauhi segala yang menjadi tegahan, termasuklah mendekati arak, sepertimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 219 :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ
مِن نَّفْعِهِمَا

ertinya : Katakanlah Mereka bertanya kepada engkau dari hal tuak (arak) dan judi. : pada keduanya itu dosa besar dan beberapa manfa'at bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfa'atnya.

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):219

Dan firmanNya lagi di dalam surah *al-Mā'idah* 90-91 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٩٠) إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ
الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ
أَنتُمْ مُنتَهُونَ (٩١)

Ertinya : Hai orang-orang beriman, sesungguhnya arak , judi, berhala dan bertenung, adalah (pekerjaan) keji dari perbuatan syetan. Sebab itu hendaklah kamu jauhi, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan . Sesungguhnya syetan menghendaki, supaya menjatuhkan kamu dalam permusuhan dan berbenci-bencian sesama kamu, karena arak dan berjudi, setan menghalangi kamu dari pada mengingat Allah SWT dan (mengerjakan) sembahyang. Adakah kamu berhenti (dari pada demikian itu)

Terjemahan Surah al-Māidah(5):90-91

Bahaya-bahaya yang disebabkan oleh minuman keras ini amatlah banyak, selain mempunyai kesan yang buruk ke atas otak, minuman ini menyebabkan peminumnya menjadi lemah hati nuraninya, sehingga tidak dapat mengetahui dan membezakan di antara yang baik dan buruk. Di samping itu sifat malunyahpun akan lenyap sama sekali. Tidak hanya setakat itu sahaja bencana yang akan menimpa peminum arak ini, bencana yang lebih tingginya adalah punahnya budi pekerti dan ini menyebabkan peminum arak ini dengan seenaknya melakukan semua kemungkaran disebabkan pengaruh minuman keras ini

Arak adalah lambang malapetaka. Seseorang yang meminum arak dengan alasan menghilangkan kesedihan, melupakan masalah-masalahnya dan mencari keseronokan tidak akan mencapai apa-apa yang diinginkannya ini, sebab pengaruh arak ini hanyalah dalam waktu yang relatif singkat, setelah pengaruh arak tersebut hilang maka kembali pulalah semua apa yang dideritanya

Apabila terdapat seseorang yang selalu meminum arak secara terus menerus, maka keadaan seperti itu dikategorikan kepada tahap kecanduan

minumana keras. Adapun di antara sebab-sebab yang menjadikan seseorang itu kecanduan arak (*khamr*) dapat disimpulkan kepada dua sebab, iaitu :

Pertama : disebabkan kerana krisis kejiwaan. Orang-orang yang mengalami krisis kejiwaan pada mulanya hendak menghilangkan tekanan jiwanya dengan cara meminum arak ini, agar seluruh tekanan tersebut dapat dilupakan. Tetapi pada kenyataannya, setelah pengaruh minuman keras tersebut sudah hilang, maka jiwanya akan semakin tertekan dan akan memerlukan minuman keras yang lebih banyak.

Krisis kejiwaan selamanya takkan boleh dihilangkan atau diringankan dengan meminum arak, akan tetapi cara yang paling tepat adalah mempertebal iman, mendekati diri kepada Allah SWT, sabar dan memperbaiki amal-amal ibadah. Seseorang yang mengalami krisis kejiwaan dan lari kepada minuman keras, menunjukkan kerapuhan imannya dan kekosongan hatinya dari cahaya Ilahi.

Kedua : Terpengaruh kawan-kawan dan lingkungan, sama ada melalui pesta-pesta atau acara-acara lain, lama kelamaan secara tidak disedari sudah menjadi pecandu *khamr*⁴⁷.

Kecanduan ini adalah merupakan ciri khas kebudayaan moden seperti sekarang ini dan menjadi penyakit dalam masyarakat. Belum lagi selesai masalah penanganan minuman keras dalam masyarakat, sudah timbul satu lagi masalah yang juga menjadi penyakit sosial dan melambangkan keruntuhan akhlak yang lebih dahsyat dalam masyarakat moden, iaitu masalah penyalahgunaan dadah.

⁴⁷ Muhammad Ali Imran (1996), *Pengertian Hukum Dan Pembalasan Dosa Menurut al-Qur'an Dan al-Hadith*, Perniagaan Jahabersa h 156

Masalah dadah bukanlah masalah baru dalam masyarakat, kini masalah ini telah menjadi suatu wabah dan bencana kepada masyarakat dan negara, lebih-lebih lagi kepada umat Islam, kerana ianya boleh mengancam dan menggugat ketahanan aqidah dan ibadah orang-orang Islam sendiri.

Para ulamak dari segenap mazhab sudah ijmak dalam mengharamkan dadah sebagaimana mereka juga telah sepakat dalam mengharamkan arak ataupun khamr. Dadah ialah bahan kimia psiko aktif yang mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf (otak dan saraf tunjang) seperti menyebabkan keadaan mabuk, khayal, ketagihan, gangguan tingkah laku dan sebagainya. Penggunaannya yang berterusan boleh mendatangkan bahaya dan kerosakan kepada diri sendiri, masyarakat, bahkan kepada umat seluruhnya. Di antara jenis-jenis dadah yang selalu digunakan oleh penagih dadah ialah heroin, morfin, candu, ganja dan yang kebelakangan ini semakin kerap digunakan penagih dadah adalah pil-pil psiko tropik seperti pil ecstasy dan shabu-shabu⁴⁸.

Dadah sebagaimana yang difahami di atas dalam bahasa Arab disebut “*al-khidr*”⁴⁹ berarti melindungi yakni melindungi akal. Dalam erti kata orang yang menagih dadah akalnya terlindung, tidak dapat berfungsi secara formal kerana khayal, mabuk dan sebagainya.

Perkataan “*al-khidr*” ini tidak ditemui dalam al-Qur’ān maupun Sunnah. Namun kemudaratanya mempunyai persamaan dengan khamr. Yang banyak terdapat di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah. Di antara firman Allah SWT tersebut

⁴⁸ Akbar *Utusan Malaysia* 16 Ogos 2000

⁴⁹ Ibn Manẓūr Jamāl al-Dīn Muḥammad : Ibn Mukarrām al-Ansārī . tt *Lisām al-‘Arab* Juz 5 fasl al-Kha harf al- Ra. TTP: Al-Dār al-Misriyyah li al-Ta’līf wa al-Tarjamah h.312

adalah termaktub di dalam surah al-Māidah ayat 90-91 seperti yang tertulis di atas.

Dan di dalam sebuah Hadith Rasulullah Saw :

عن ابن عمر قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كل مسكر حمر وكل

مسكر حرام

Ertinya : Dari Ibn Umar berkata : bahwasannya Rasulullah Saw bersabda : setiap yang memabukkan adalah khamr dan setiap yang memabukkan haram⁵⁰.

Tegasnya; dadah atau *al-khidr* dalam bahasa Arabnya adalah termasuk dalam pengertian dari segi mudaratnya sama dengan *khamr* atau arak menurut Islam, kerana ianya boleh memabukkan, mengkhayalkan, meletihlesukan dan menghilangkan fungsi akal serta boleh menyebabkan ketagihan, gangguan tingkah laku dan sebagainya. Walaupun saat ini banyak nama baru direka dan diberikan untuk dadah ini, akan tetapi hukumnya tetap sama dengan khamr, hal ini telah disebutkan oleh Rasulullah Saw dalam sebuah hadithNya :

شرب الناس من أمتي الخمر ويسمونها بغير اسمها

Ertinya : Pasti akan ada kelompok manusia dari umatku yang meminum khamr (arak) dan mereka namakannya dengan nama lain⁵¹.

⁵⁰ Imām Abi al-Husain Muslim Bin al-Hajjāj (1955). *Salih Muslim, j.3.Kitāb al-Asyribah*, Bab : *Bayān Anna Kulla Muskirin Khamru Wa Anna Kulla Khamrin Harām*. Hadith no.73 (2003), Misr, Dar al-Ihya al-Turāth al-'Arabi.

⁵¹ Sunan Nasa'i (1999). Al-Suyūti, j.4. *Kitāb al-Asyribah*, Bab : *Manzilah al-Khamr*, no hadith : 5673. Misr Kahirah Dar al-Hadith.

Sesungguhnya kenikmatan dan keseronokan yang dirasai oleh penagih dadah adalah semu, yang hanya dapat dikecapi sesaat. Seperti mana yang diketahui umum, kehidupan kita sehari-harian mempunyai kitaran naik turunnya sendiri. Dengan kata lain, ada masa-masanya kita secara semua jadi merasa "seronok" dan ada pula masanya kita merasa agak sugul perasaan seronok ataupun gembira menunjukkan bahawa otak dan minda kita dalam keadaan dirangsang, ini membawa kita kepada tingkah laku yang selalunya menggembirakan, keriangannya dan juga kadang gelak ketawa sebagai tanda keseronokan.

Dalam hal yang sama, rangsangan yang diakibatkan daripada penggunaan ubat-ubatan yang boleh juga merangsang otak atau minda memberi kesan yang hampir-hampir sama. Oleh itu sesiapa sahaja yang menggunakan dadah jenis perangsang seperti ekstasi akan menunjukkan gelagat keriangannya yang palsu atau semu. Tingkah lakunya turut menjadi agak luar biasa daripada berbagai segi, termasuk kelincahan mahupun dari segi pertuturan.

Dengan kata lain, kesan yang dapat diperhatikan akibat daripada penggunaan dadah jenis perangsang ini adalah rasa keseronokan yang hampir tidak ada batasan jika dibandingkan dengan keseronokan semula jadi, justeru itu mereka sering rasa resah gelisah ataupun sentiasa dalam keadaan kebimbangan dan mudah resah. Pertuturan mereka menjadi begitu pantas, hampir kadangkala sukar untuk memahami apa yang dimaksudkan. Tubuhnya mungkin menggeletar tidak begitu berselera untuk makan ataupun minum. Ia seolah-olah asyik dengan keriangannya sendiri tanpa menghiraukan sangat alam persekitarannya, termasuk makanan dan minuman.

Jika keadaan ini berlanjutan, seseorang itu akan mula berasa keletihan sehingga dapat menyebabkan suatu keadaan kecemasan dan keresahan yang tidak lagi dapat dikawal. Kesudahannya nyawa mereka akan terancam akibat daripada fungsi-fungsi penting lain di dalam badan seperti jantung, pernafasan dan juga ginjal turut menjadi tidak lagi terkawal. Akhirnya maut akan menyusul⁵².

Begitu juga halnya dengan kesan-kesan yang dihasilkan oleh dadah-dadah jenis lainnya, seperti morfin, heroin, kokain, ganja dan dadah halusinogen semuanya akhirnya akan menempah maut bagi penggunanya.

Mengikut kajian, orang-orang yang mudah terjebak menggunakan dadah adalah dari golongan belia dan remaja, faktor-faktor yang menyebabkan golongan ini sebagai golongan yang berisiko tinggi menjadi pengguna dadah adalah seperti berikut:

1. Seseorang akan mengalami masa perubahan atau pancaroba pada saat usia mereka menjangkau 11-14 tahun. Pada masa ini mereka mulai mengalami perubahan tingkahlaku. Sebenarnya perubahan tingkahlaku ini merupakan proses pemisahan diri dari orang tua yang normal. Orang tua harus membantu mereka melakukan proses pemisahan diri, bukan menghalangnya. Anak mesti diberi kebebasan, tetapi mereka mesti dilatih untuk bertanggungjawab, sambil saling berkomunikasi dengan orang tua. Seringkali proses mulai merokok dan menggunakan ubat-ubat terlarang dimulai pada usia ini.
2. Seseorang menginginkan agar ia diterima oleh kelompoknya, anak yang baru dewasa biasanya mesti menyesuaikan diri dengan anggota kelompok yang

⁵² Prof.Dzulkipli Abdul Razak (1999).*Kesan Dadah ke atas Otak*.Pusat Racun Negara USM. Utusan Malaysia 20 Februari 1998

ingin diikutinya. Bila kelompok tersebut menggunakan dadah atau ubat-ubat terlarang, dengan mudah ia akan ikut semata-mata agar diterima menjadi anggota kelompok tersebut.

3. Menjelang kedewasaan, seseorang akan sering mengalami stress dari lingkungan. Ramai diantara mereka yang menggunakan ubat-ubatan dan dadah sebagai cara melepaskan diri dari ketegangan tersebut.
4. Seseorang yang menuju alam dewasa akan selalu berani mencuba mengambil risiko. Seringkali mereka tidak peduli dengan risiko yang akan timbul akibat perbuatannya dan tidak berfikir panjang akan segala risiko yang bakal dihadapinya dengan menggunakan dadah dan ubat-ubatan terlarang.
5. Rasa ingin tahu pada remaja sangatlah besar. Mereka sudah mendapat pelbagai informasi, yang mungkin salah, dari kawan atau media. Kurangnya informasi yang tepat akan menyebabkan mereka justeru mencuba semata-mata untuk memuaskan rasa ingin tahu⁵³.

Masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia telah sampai di tahap serius dan dianggap sebagai ancaman utama negara. Diantara faktor-faktor yang meletakkan penyalahgunaan dadah sebagai ancaman negara utama negara ialah :

- Jumlah penagih yang didaftar lebih kurang 200.000 orang.
- Jumlah wang terlibat untuk pemulihan.
- Kos rawatan, perubatan dan tenaga kerja yang hilang.

⁵³ Buletin Kesehatan *Mitra Keluarga*, September 1999 h.17

- Kesan dan kerugian dari segi ekonomi, sosial dan jenayah⁵⁴.

Masalah dadah pada masa ini adalah merupakan suatu penyakit sosial yang amat merbahaya yang dapat meruntuhkan institusi masyarakat dan negara. Bermula pada tahun 1997 hingga April 1999 Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhadapan dengan seramai 87.868 orang penagih dadah, terdiri daripada 45.869 penagih baru dan 41.999 penagih tegar. Dan bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999 seramai 4.334 orang telah ditangkap kerana disyaki mengedar dadah di bawah seksyen 39 B, akta dadah berbahaya 1952. seramai 3.856 orang ditangkap di bawah undang-undang langkah-langkah pencegahan khas (LLPK). Dan sebanyak 173.387 kilo gram candu, 703.447 kilo gram heroin dan 6.148.203 kilo gram ganja telah dirampas dalam tempoh tiga tahun yang lalu⁵⁵.

2.4.4 Rasuah

Rasuah adalah salah satu bentuk penyimpangan akhlak yang sudah menjadi barah dalam masyarakat. Sebagai gejala sosial, rasuah timbul dari pelbagai sebab, tampil dengan pelbagai sifat dan kemudian menunjukkan fungsi di samping akibat-akibat sosialnya. Rasuah bukan sesuatu yang baru dalam masyarakat moden hari ini, malah ianya sudah dikenali sejak dahulu lagi dan semakin hari praktiknya kian berleluasa hingga ke masyarakat hari ini.

Adapun definisi rasuah adalah sesuatu yang disogokkan kepada penzalim untuk mengambil hak yang bukan miliknya, atau untuk menghilangkan hak dari yang empunya samada atas motif dendam atau penipuan dengannya. Dan untuk

⁵⁴ Jabatan Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM). <http://www.rpm.gov.my> 2004

⁵⁵ Ibid. <http://www.rpm.gov.my> 2004

mendapatkan satu kedudukan yang tidak sepatutnya atau pekerjaan yang dia tidak berkecayaan⁵⁶.

Menerima rasuah sama ertinya memakan harta orang lain dengan cara yang bathil, hal ini diterangkan di dalam al-Qur'an surah *al-Baqarah* : 188 :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْخِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ

أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (١٨٨)

Ertinya : Jangnlah sebahagian daripada kamu memakan harta orang lain dengan yang batil (tiada hak) dan (jangan) kamu bawa kepada hakim, supaya dapat kamu memakan sebahagian dari harta orang dengan berdosa. Sedang kamu mengetahuinya.

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):188

Bersesuaian dengan ayat di atas termasuk memakan harta orang lain dengan cara yang bathil ialah menerima rasuah atau suap iaitu wang yang diberikan kepada penguasa atau pegawai, supaya penguasa atau pegawai tersebut menjatuhkan hukuman yang menguntungkannya, atau hukum yang merugikan lawannya. Menurut kemahuannya, atau supaya didahulukan urusannya atau dibantu kerana ada suatu kepentingan dan sebagainya.

Masalah rasuah adalah masalah yang bersifat lintas sistematik, ia melekat pada semua sistem sosial ; feudalisme, kapitalisme, komunisme dan sosialisme, ia mempengaruhi semua kelas masyarakat, semua organisasi negara ; kerajaan atau republik, semua keadaan ; perang mahupun damai, semua kelompok usia ; muda

⁵⁶ Dr.Muhammad Bakr Ismail (tt). *Al-fiqh al-Wādiḥ* jilid III. Al-Zahrah Li al-I'lām al-'Arabi h.610

dan tua, semua jenis jantina lelaki dan wanita, segala waktu ; zaman kuno, zaman pertengahan dan zaman moden⁵⁷.

Kajian rasuah seperti kajian penyakit. Syarat pertamanya ialah mengetahui sifat penyakit, lalu pembawa dan penyebarannya, lalu sebab musababnya dan keadaannya, kemudian akibat-akibatnya dan pada akhirnya ubatnya.

Di antara keadaan dan sebab musabab rasuah yang penting adalah tingkat moraliti di dalam masyarakat tertentu. Inilah kenyataan yang tidak dapat diukur kuantitinya. Tetapi moraliti yang diturunkan dari relativisme nilai dan individualisme materialistik niscaya akan menyuburkan proses penghakisan landasan moraliti umum dalam masyarakat yang terlanda rasuah.

Sejarah rasuah bermula sejak awal kehidupan manusia bermasyarakat, ia ini pada tahap tatkala organisasi kemasyarakatan yang rumit mulai muncul. Manusia diganggu oleh gejala rasuah paling tidak selama beberapa ribu tahun. Intensif rasuah berbeza-beza pada waktu dan tempat yang berlainan. Seperti gejala kemasyarakatan lainnya, rasuah banyak ditentukan oleh pelbagai faktor.

Sejarah lama mengenai rasuah menunjukkan bahawa kes rasuah pada awalnya dahulu sering melibatkan penyogokan ke atas hakim dan pegawai kerajaan. Kes rasuah ini semakin hari semakin berkembang dengan berleluasa, sehingga saat ini kita perhatikan rasuah bukan sahaja hanya berlaku ke atas hakim dan pegawai kerajaan, malah ianya telah melanda segenap lapisan masyarakat mulai dari komponen-komponen pemerintahan seperti sejumlah besar wang dan penerimaan pemerintah digelapkan melalui rasuah dan kerananya mempengaruhi

⁵⁷ Syed Hussein al-Attas (1995). *Rasuah, Sifat Sebab Dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur h.25

mutu pelayanan yang dilakukan oleh negara sehinggalah usaha untuk mendapatkan sesebuah jawatan, semuanya mempraktikkan amalan rasuah⁵⁸.

Lingkungan sosial yang rasuah mematahkan semangat orang yang hidup di dalamnya dan tidak mengambil manfaat dari rasuah, seperti betapa putus asa dan patah semangatnya orang yang sakit berat kerana tidak mampu merasuah untuk memperoleh tempat di hospital, patahnya semangat orang tua yang anaknya ditolak masuk universiti walaupun markahnya baik, sedang yang lain diterima melalui pintu belakang, rasa setengah mati sebagai akibat dalam pembicaraan yang tidak adil kerana hakimnya dirasuah, yang terburuk di antara kesemuanya itu, hidup dalam kemiskinan tanpa setitik harapan akan datangnya perubahan.

Pada intinya rasuah adalah perwujudan immoral dari dorongan untuk memperoleh sesuatu dengan metod pencurian dan penipuan. Dalam bentuknya yang bersifat memaksa ia adalah perampasan yang disertai kekerasan⁵⁹.

Berdasarkan takrif rasuah yang telah dihuraikan di atas maka rasuah dapat di bahagikan kepada tiga jenis, iaitu :

Jenis *pertama* : Sesuatu yang dengannya menyampaikan kepada mengambil sesuatu tanpa hak, seperti sesuatu yang disogok oleh seseorang kepada pemerintah (penguasa atau pihak yang bertanggung jawab untuk memperolehi pengguguran terhadap sesuatu yang semestinya ditunaikan, atau kerana mahu mendapatkan

⁵⁸ Harun Suseno (1998). *Korupsi dalam Masyarakat Indonesia*. Akhbar Suara Pembaharuan 26 julai 1998

⁵⁹ Huntington Samuel (1968). *Political Order In Changing Societies*. New Heaven Yale University Press. h.28

sesuatu sebelum tiba masanya, atau kerana mahu melariskan pendedaran barangan yang telah rosak atau sebagainya)⁶⁰.

Ini adalah dari jenis rasuah yang paling teruk serta besar dosa dan mudaratnya kepada masyarakat Islam dan selain Islam. Inilah yang dimaksudkan oleh Firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah* ayat 188 seperti yang tertulis di atas tadi.

Jenis *kedua* : iaitu sogokan yang dapat menghilangkan hak dari pemiliknya sebagai tindakan balas dendam kerana cemburu, dengki dan sebagainya. Jenis ini ada kemiripan dengan jenis yang pertama, malahan ada yang memasukkannya ke dalam jenis pertama. Tiada perbuatan yang lebih zalim lagi selain dari perbuatan menganiaya seseorang saudara terhadap saudaranya yang lain.

Ia tidak akan dilakukan melainkan oleh orang-orang yang keji, mati hatinya dan sesat pegangannya di dunia. Di dunia ini tiada sesuatu yang paling hina, keji dan jahat melainkan mereka yang curang dari kalangan pemerintah, penguasa dan pihak berwenang kerana menyia-nyiakan amanah yang diberikan, melenyapkan hak seseorang dari pemiliknya⁶¹.

Jenis *ketiga* : iaitu sogokan yang diberikan untuk memperolehi satu-satu jawatan atau pekerjaan, projek, kontrak dan sebagainya. Hukumnya adalah haram dengan ijmak ulama, sebagaimana jenis pertama dan kedua. Dan samada pemberi rasuah, penerima dan perantaranya, mereka akan memperolehi dosa yang sama. Lebih-

⁶⁰ Dr. Muhammad Bakr Ismail. *Op.cit* h.610

⁶¹ *Ibid* h.613

lebih diharamkan lagi ialah apabila seseorang itu menyogok untuk memperolehi satu jawatan yang dia tidak mempunyai kelayakan⁶².

Hakim, penguasa atau sesiapa sahaja yang mempunyai kekuasaan wajiblah berhati-hati dari menerima hadiah yang diberikan kepadanya ketika dia sedang memegang jawatan tertentu. Kewajipan berhati-hati apabila dia meragui tentang niat di sebalik hadiah yang dihulurkan, kerana hadiah-hadiah berkenaan hampir mempengaruhi seseorang yang berkuasa dalam membuat keputusannya. Dan haram menerima hadiah berkenaan jika di ragui ia adalah sebagai perantara untuk memperoleh sesuatu.

Adalah penting untuk mengelakkan diri dari terkeliru dalam menentukan apakah ia rasuah atau hadiah. Adapun perbezaannya adalah : Rasuah ialah hadiah yang dihulurkan kepada seseorang yang mempunyai kuasa tertentu bertujuan untuk membatalkan hak seseorang, atau menetapkan hak yang tidak sepatutnya, atau untuk memperolehi jawatan atau pekerjaan yang tidak selayaknya.

Hadiah pula ialah : Harta yang dihulurkan bertujuan mendekatkan seseorang dengan saudaranya yang lain kerana cinta dan kasih, atau supaya mereka dapat bantu membantu atas kebaikan dan takwa, atau untuk menjadi rakan kongsi dalam suka dan duka, tanpa ada di sebaliknya itu suatu niat rasuah.

2.4.5 *Hubbul-jāh* / Sukakan kemasyhuran

Di antara sifat yang tercela dan merupakan penyakit hati yang wajib diubati dan dibersihkan dari hati setiap muslim ialah sifat cintakan nama dan kemasyhuran yang disebut dengan *hubbul jāh*. Selain dari ianya boleh menjejaskan atau

⁶² Ibid h. 615

mencemarkan keikhlasan niat pada suatu amal kebaikan dan boleh merosakkan nilainya, sifat ini juga boleh menyebabkan banyak keburukan dan boleh menimbulkan banyak masalah dan kesulitan. Manakala sifat ini telah menguasai hati dan diri ianya boleh menimbulkan banyak kesilapan dan kesalahan.

Dorongan kerana mencari nama dan kemasyhuran, pengaruh dan kedudukan biasanya boleh melibatkan seseorang itu melakukan tindakan dan urusan yang berlawanan dengan syariat atau yang di luar dari garis yang dibenarkan oleh syariat dan undang-undang. Fenomena yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini, semakin ramai manusia yang gilakan kemasyhuran, pengaruh dan kedudukan.

Mereka menghalalkan segala cara untuk mencapai apa yang mereka inginkan. Tindakan ini banyak yang merugikan dan menyusahkan orang-orang di sekeliling mereka, malahan perbuatan mereka telah menjurus pada kezaliman. Hal ini merupakan penyakit sosial dalam kehidupan masyarakat moden saat ini.

Dalam keadaan seseorang itu gagal untuk mencapai cita-citanya boleh menyebabkan ia melakukan kesalahan. Malahan, seperti yang selalu dapat disaksikan boleh mengheret kepada perlumbaan dan persaingan yang tidak sihat, seterusnya menyebabkan persetuan dan permusuhan, bukan sahaja di antara individu dengan individu yang lain, tetapi di antara satu kumpulan atau jemaah dengan kumpulan yang lain.

Dalam keadaan dapat dikawal atau terkawal perseteruan itu akan terpendam seperti api dalam sekam. Tetapi dalam keadaan tidak terkawal maka akan melahirkan pergaduhan, pertarungan dan peperangan yang boleh mengambil berbagai bentuk dan corak. Bermula dari perang mulut dan fitnah, perang urat

saraf, membawalah kepada sikap dan seterusnya tindakan dalam berbagai bentuk dan coraknya. Terkadang dalam bentuk layanan yang tidak adil, pilih kasih, diskriminasi dalam pembahagian atau pemberian hak dan tanggungjawab, walaupun dari segi undang-undang ia mempunyai hak untuk menerima layanan yang sama. Terkadang dalam bentuk penentuan tugas yang berbeza, perlainan dalam berurusan dan bermuamalah dalam berbagai bidang kehidupan. Lebih membahayakan lagi jika kesemuanya ini dipisahkan dari nilai agama dan norma akhlak Islam⁶³.

Asal makna *al-jāh* itu ialah kedudukan yang mulia dan terkenal atau masyhur. Menjadi terkenal atau masyhur itu sendiri tidaklah salah dan tercela. Seorang yang menjadi terkenal dan masyhur dengan kedudukan sifat dan pangkatnya kerana dimasyhurkan oleh Allah SWT tidak sama dengan seorang yang mencari dan memburu nama dan kemasyhuran kerana didorong oleh rasa cintakan atau gilakan nama dan kemasyhuran.

Jika dianalisa sifat cintakan nama dan kemasyhuran untuk menjadi ternama atau terkenal maka ia berpunca dari rasa ingin mendapat tempat di hati atau di mata orang, dengan sebab adanya suatu keistimewaan atau sifat kesempurnaan yang dipercayai ada pada dirinya.

Sejauh mana kepercayaan orang terhadap sifat keistimewaan tersebut, maka sejauh itulah hati mereka terpaut, seterusnya akan tunduk dan menurut, maka sejauh itu pula hati mereka dapat dikuasai. Dan sejauh mana hati mereka dapat dikuasai maka sejauh itulah keinginannya untuk mencapai kemasyhuran,

⁶³ Muhammad Sulaiman Bin Hj. Yasin (1992). *Akhlak Dan Tasawuf*. Mas'adah (M) Sdn.Bhd h.258

dan sejauh itulah pula rasa kenikmatan pada nafsunya bila menjadi sebutan, dipuji dan disanjung.

Sifat *ḥubbul jāh* samalah juga dengan harta. Ertinya nama dan kemasyhuran adalah perkara dunia atau keduniaan ia akan berakhir, terputus dan ditinggalkan dengan sebab kematian.

Namun dengan demikian dunia adalah tempat atau ladang tanaman akhirat. Setiap yang ada di dunia ini boleh dijadikan bekalan akhirat. Sebagaimana kita memerlukan makan, minum, pakaian, kediaman dan kesihatan dalam kehidupan kita di dunia maka demikian juga dalam urusan hidup dan kehidupan kita memerlukan al-jāh. Oleh kerana itu adalah diharuskan menyukai atau mengasihi harta untuk keperluan hidupnya asalkan didasarkan kepada kasihkan Allah SWT.

Tetapi mencintai harta atau al-jāh kerana harta dan al-jāh itu sendiri melebihi dari batas kecukupan yang diperlukan adalah tercela. Walaupun tidak membawa kepada hukum fasiq dan derhaka. Selama cintakan kedua-duanya itu tidak mendorong untuk melakukan maksiat, atau selama tidak melakukan penipuan dalam usaha untuk mendapatkannya ataupun selama tidak menggunakan agama atau ibadah demi untuk mendapat sifat (*al-jāh*) tersebut, kerana mendapatkan kemasyhuran atau pangkat kedudukan dengan menggunakan ibadah adalah suatu jenayah ke atas agama yang juga haram. Inilah salah satu dari bentuk riya yang dicela. Dengan ini bahawa mendapatkan tempat di hati atau di mata orang lain dengan segala cara sehingga mereka percayakan dirinya mempunyai sifat keistimewaan yang pada hakikatnya tidak dipunyai adalah haram, kerana ini adalah merupakan suatu penipuan dan dusta.

Al-jāh boleh didapati dengan sendiri tanpa diusahakan dan boleh juga didapati melalui usaha sehingga terkadang usaha yang keterlaluan. Yang pertama tidak tercela kerana ia merupakan anugerah pemberian dari Allah SWT. Adapun yang kedua mempunyai beberapa peringkat.

Peringkat *pertama* : ialah peringkat wajib. Peringkat ini terbahagi kepada dua jenis, wajib yang berkaitan dengan agama dan wajib yang berkaitan dengan dunia. Wajib dari jenis pertama ialah *al-jāh* yang diperlukan dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat, sekiranya dengan adanya *al-jāh* itu penyampaian Islam dapat diterima atau lebih berkesan kepada masyarakat. Sebaliknya tanpa *al-jāh* menyebabkan keadaan yang tidak disukai atau disenangi yang berikutnya menyebabkan matlamat dari dakwahnya tidak tercapai. Jadi mendapatkan *al-jāh* dalam kadar yang tersebut adalah wajib. Wajib dari jenis kedua pula ialah *al-jah* yang diperlukan bagi mendapatkan keperluan hidupnya yang asasi sekiranya dengan adanya *al-jāh* membolehkan dia mendapatkan keperluan-keperluan hidupnya, sama ada yang berupa jasmani ataupun rohani.

Peringkat *kedua* : ialah peringkat sunnah, iaitu *al-jāh* yang diperlukan dalam menyampaikan agama juga mendapatkan keperluan hidup yang tidak mencapai ke tahap wajib, iaitu dalam taraf darurat. Tetapi demi untuk mencapai penyampaian agama yang lebih sempurna atau mendapatkan keperluan hidup yang lebih baik perlulah kepada *al-jāh*. Tanpa *al-jāh* kedua-duanya tidak dijalankan atau tidak dapat dicapai dengan lebih sempurna.

Peringkat *ketiga* : ialah peringkat harus, iaitu mencari *al-jāh* dari perkara-perkara yang diharuskan, seperti berpakaian kemas supaya tidak dicela oleh tetamu atau disukai oleh murid-murid yang menyebabkan mereka mudah menurut perintah

atau mendengar nasihat. Tetapi perlu berhati-hati kerana manakala kita merasa seronok dengan *al-jāh*, walaupun yang diharuskan boleh mendorongkan untuk mencari yang lebih tinggi sehingga boleh membawa kepada sifat yang dilarang. Oleh kerana itu amatlah perlu berwaspada dan berhati-hati.

Peringkat *keempat* : ialah peringkat makruh, iaitu ketika mencari *al-jāh* itu sudah menjadi kesukaan yang boleh mendorongkan pula menjadi kebiasaan. Oleh kerana telah menjadi kebiasaan dan boleh merasa nikmat dengan sifat tersebut maka ia boleh menyebabkan seseorang itu mencari *al-jāh* bukan dengan jalan yang benar. Seterusnya boleh membawa kepada lupa dari mengingati Allah SWT, oleh itu ianya dalam peringkat makruh.

Peringkat *kelima* : ialah peringkat haram iaitu mencari *al-jāh* dengan menggunakan cara yang dusta dan dengan cara riya. Perbuatan ini adalah perbuatan yang mengelirukan orang ramai. Membelakangkan kebenaran dan mendorongkan kepada kesesatan dan menyesatkan. Oleh itu hukumnya adalah haram⁶⁴.

2.4.6 Judi

Judi adalah merupakan salah satu bentuk penyakit sosial yang makin mewabak dalam masyarakat moden hari ini, ianya menjangkiti semua lapisan masyarakat tak kira golongan atas ataupun golongan bawahan. Berjudi adalah mencari rezeki dengan spekulasi kalah atau menang. Orang berjudi adalah orang yang menginginkan kekayaan tanpa adanya usaha keras.

⁶⁴ Muhammad al-Fiqi (1970). *Al-Nafs, Amr āḥuḥa Wa 'Ilājūha Fi al-Syarā'ih al-Islāmiyah*. al-Qāhirah h.89

Judi atau dalam bahasa Arabnya dikenali dengan al-maysir adalah sesuatu permainan yang menggunakan wang sebagai taruhan atau sebuah permainan yang disyaratkan padanya seseorang yang menang akan memperolehi sesuatu daripada yang kalah atau sesuatu permainan yang mengandungi sebarang taruhan dan orang yang menang berhak mendapat taruhan tersebut⁶⁵.

Apa yang dimaklumi, memang judi itu memberi manfaat kepada pemenangnya tapi menimbulkan bencana dan malapetaka kepada yang kalah. Jumhur ulamak sepakat tentang definisi judi ialah taruhan. Adanya taruhan ini merupakan *'illat* (sebab) haramnya judi itu.

Di sebalik larangan haramnya judi ini, terkandung hikmah dan tujuan yang mulia, iaitu :

- a. Hendaklah seseorang muslim itu mengikut *Sunnatullah* dalam bekerja mencari wang dan rizki, iaitu di mulai dengan usaha yang sungguh-sungguh, sedangkan judi ianya dapat menjadikan seseorang itu hanya bergantung kepada pembahagian dan angan-angan kosong, bukan bergantung kepada usaha, aktiviti dan tidak menghargai cara-cara yang telah ditentukan Allah SWT, serta perintah-perintahNya yang mesti dipatuhi.
- b. Islam menjadikan harta manusia sebagai barang berharga yang mesti dilindungi. Oleh itu ia tidak boleh diambil begitu sahaja, kecuali dengan cara tukar menukar seperti yang telah disyariatkan atau dengan jalan hibah dan sedekah.

⁶⁵ M. Ali Hasan (1997). *50 Perbuatan Dan Perilaku Yang Membawa Malapetaka*. Penerbit Pedoman Ilmu Jaya h.85

Adapun mengambilnya dengan jalan judi adalah termasuk memakan harta orang lain dengan cara yang bathil.

c. Judi juga dapat menimbulkan permusuhan dan perbalahan di antara sesama pemain judi tersebut. Sebab walau bagaimanapun dalam permainan judi ini ada pihak yang menang dan pihak yang kalah, yang dirampas dan yang merampas. Pihak yang kalah akan merasa marah kerana angan-angannya tidak dapat tercapai, dan menimbulkan dendam di hatinya. Kerugian yang dialami oleh pihak yang kalah mendorongnya untuk mengulangi lagi, dengan pemikiran bahawa pengulangan itu mungkin akan menutupi kekalahannya yang pertama. Sedangkan pihak yang menang, kerana didorong oleh rasa seronok sebab kemenangannya, ia tertarik untuk mengulang permainan tersebut dengan pemikiran ia akan mendapat kemenangan yang lebih banyak. Begitulah kitaran permainan judi, bagi sesiapa yang telah masuk di dalamnya tidak akan ada keinginan untuk berhenti.

Judi ini merupakan bahaya yang mengancam masyarakat dan pribadi penjudi itu sendiri. Judi ini merosak waktu dan aktiviti hidup dan menyebabkan pelaku-pelakunya menjadi manusia yang tamak, mereka mau mengambil hak milik orang lain tapi tidak mau memberi, menghabiskan barang tetapi tidak dapat memproduksi⁶⁶.

Selama pejudi itu sibuk dengan permainannya, maka ia akan lupa kewajipannya kepada Allah SWT, kewajipannya terhadap diri sendiri, keluarga dan ummat. Di dalam al-Qur'an Allah SWT meletakkan arak dan judi di dalam satu rangkaian ayat dan hukum, sebab bahayanya terhadap diri, keluarga, moral

⁶⁶ Syekh Muhammad Yūsuf al-Qarḍāwī (1976). *Halal Dan Haram Dalam Pandangan Islam*. PT Bina Ilmu h.166

masyarakat dan tanah air adalah sama. Hal tersebut dinyatakan dalam surah *al-Māidah* ayat 90 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (٩٠)

Ertinya : Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertengung adalah perbuatan keji daripada perbuatan syetan. Sebab itu hendaklah kamu jauhi, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.

Terjemahan Surah *al-Māidah*(5):90

2.4.7 Iri hati, Hasad Dan Dengki

Dari manapun pandangan yang diberikan, hasad dengki tetap tercela dan dikeji oleh manusia. Dalam masyarakat itulah salah satu dari penyakitnya yang melemah dan menyebabkan derita dan sengsara. Sejarah manusia sentiasa terbentang dengan berbagai peristiwa yang membuktikan kebenaran tersebut. Sifat hasad, dengki dan iri hati ini mencerminkan keruntuhan akhlak dan membawa kepada krisis moral dalam masyarakat. Fenomena yang berlaku pada masyarakat moden hari ini, sifat ini telah menjerumuskan manusia hingga berlaku zalim ke atas manusia lainnya. Tentang hakikat dan akibat dari sifat ini tidak ada perbezaan di antara Islam dan bukan Islam. Cuma yang berbeza hanyalah bahawa Islam adalah agama Allah SWT kepada umat manusia yang mempunyai kekuatan yang tidak ada pada yang selainnya, iaitu kekuatan aqidah keimanan tentang hakikat kehidupan yang sebenar dan hakiki. Hanya dengan kekuatan aqidah dan keimanan

ini manusia dapat memerangi dan menguasai sifat hasad yang membahayakan bukan sahaja kepada kehidupan di dunia yang penuh dengan permainan, keseronokan dan persaingan, tetapi juga lebih dahsyat dari itu, iaitu merugikan kehidupan yang sebenar dan hakiki di akhirat.

Manakala kita melihat suatu nikmat yang didapati oleh orang lain kita akan merasakan (mengalami) suatu keadaan dalam hati kita ; iaitu perasaan iri hati, adalah suatu yang *tābi'i* bahawa setiap nikmat itu menimbulkan rasa iri hati. Perasaan iri hati ini melahirkan dua hal kejiwaan atau dua perasaan. Jika rasa iri hati itu melahirkan rasa benci kepada nikmat tersebut dan rasa suka pula supaya nikmat itu hilang dari tangannya maka inilah yang diistilahkan dengan hasad. Jika rasa iri hati itu pula melahirkan rasa ingin mendapatkan nikmat yang serupa, tanpa merasa benci pada nikmat yang ada pada orang lain itu, dan tidak juga benci jika terus kekal ada pada tangannya dan tidak pula suka supaya nikmat itu hilang dari tangannya, maka ini tidak diistilahkan dengan hasad. Dalam akhlak Islam ia diistilahkan dengan *al-ghibtah* atau *al-munāfāsah*⁶⁷.

Perasaan iri hati atau ingin mempunyai ataupun mencapai suatu nikmat yang serupa pada orang lain adalah suatu naluri semula jadi. Sebagai sifatnya suatu naluri semula jadi maka jika perasaan ini diarahkan kepada yang bersifat negatif maka akan bertukar menjadi sifat hasad yang tercela. Dan jika diarahkan kepada yang bersifat positif maka akan bertukar menjadi sifat yang baik dan mulia. Jadi hasad dapat ditakrifkan sebagai : rasa tidak senang atau sakit hati benci ke atas nikmat yang ada pada orang lain dan rasa senang hati atau gembira dan suka jika nikmat itu hilang dari tangannya. Jelasnya rasa suka dan senang hati

⁶⁷ Mohd.Sulaiman Bin Hj.Yasin. *Op.cit* h.272

bila orang lain ditimpa kesusahan atau bala bencana serta menaruh benci bila mereka menerima kesenangan.

Dari pengertian yang umum itu hasad boleh dibahagikan kepada empat perkara:

Pertama : Bencikan nikmat yang ada pada tangan orang lain dan sukakan supaya nikmat itu hilang dari orang tersebut, sekalipun nikmat itu tidak akan berpindah ke tangannya. Yang penting padanya ialah asalkan nikmat itu hilang dari tangan orang yang dihasadkan.

Kedua : Benci kerana ketiadaan nikmat itu di tangannya. Bukan bencikan yang ada pada tangan orang lain, dan sukakan nikmat itu ada pada tangannya, bukan sukakan nikmat itu hilang dari tangan orang lain,. yang disukainya ialah mendapatkan nikmat tersebut bukan hilangnya nikmat itu dari milik orang yang dihasadkan. Dan yang dibencinya ialah kerana dia tidak memilikinya bukan kerana orang lain memilikinya.

Ketiga : Tidak sukakan jenis nikmat itu sendiri untuk dirinya tetapi sukakan nikmat yang seumpama nikmat tersebut. Apabila gagal mendapatkan yang seumpamanya, maka timbullah rasa suka kalau nikmat itu hilang dari tangan orang yang memilikinya. Dengan itu akan samalah tarafnya ; iaitu sama-sama tidak memiliki nikmat tersebut, sebagaimana kalau berjaya akan sama-sama memilikinya.

Keempat : Sukakan kalau ia memiliki nikmat yang sama dengan nikmat yang dipunyai orang lain. Dan kiranya gagal mendapatkannya ia tidak benci dengan

nikmat yang ada pada tangan orang lain itu, sebaliknya suka kiranya nikmat itu kekal dalam miliknya⁶⁸.

Peringkat pertama amat tercela, peringkat kedua adalah tercela, peringkat ketiga ada sudut tercelanya dan ada sudut tidak tercelanya, sementara peringkat keempat adalah dimaafkan. Peringkat keempat inilah yang diistilahkan dengan *ghibtah* atau *munāfāsah*.

Sifat hasad yang berlebihan menunjukkan ketipisan iman seseorang dan kemerosotan akhlaknya. Malahan saat ini, sifat hasad telah menyebabkan seseorang itu melakukan kerosakan, kezaliman, jenayah, huru hara, perpecahan dan fitnah.

Imam al-Ghazālī⁶⁹ telah merumuskan sebab-sebab timbulnya sifat hasad dalam tujuh sebab :

Pertama :_ Perseteruan dan kebencian (العداوة والبغضاء)

Perseteruan dan kebencian merupakan sebab yang paling kuat dan paling jelas. Seseorang yang disakiti kerana suatu sebab tertentu, ataupun yang tidak disetujui dalam suatu tujuan atau kepentingan tertentu akan menimbulkan rasa marah dalam hatinya. Jika ia dibiarkan maka akan semakin terpendam di hati lalu timbullah rasa dendam, kemudian diikuti dengan tindakan untuk melepaskan dendamnya.

⁶⁸ Ibid h.273

⁶⁹ Muḥammad al-Ghazālī (1974). *Khulūq al-Muslim*. Al-Qāhirah h.94

Jika dia sendiri tidak mampu untuk berbuat demikian, ia mengharapkan masa akan membalasnya. Malah terkadang ia menyangka Tuhan menyebelahi dirinya. Apa sahaja kesusahan atau bala bencana yang menimpa diri orang yang dimarah dan didendamnya, ia akan gembira dan disangkanya sebagai balasan dari Allah SWT atas perbuatan yang menyebabkan kemarahan kepadaNya.

Apapun nikmat yang didapat orang yang dimarahinya itu akan dibenci dan dimusuhi kerana bercanggah dengan kehendak dirinya. Jadi hasad itu sentiasa disertai oleh kemarahan, kebencian dan perseteruan. Seseorang yang marah dan bencikan orang lain akan melazimkan rasa hasad; iaitu rasa bencikan nikmat yang ada pada orang itu dan rasa sukakan kesusahan yang menimpa diri orang yang dihasadnya. Sifat hasad yang berpunca dari rasa kebencian dan perseteruan inilah yang menjadi sifat orang kafir seperti yang dirakamkan oleh al-Qur'an di dalam surah *Ali Imrān* ayat 120 :

إِنْ تَمَسَسَكُمْ حَسَنَةٌ تَسُوهُمْ وَإِنْ تُصِيبْكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُوا بِهَا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا

لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ (١٢٠)

Ertinya : Jika kamu mendapat kebaikan, sedih hati mereka, tetapi jika kamu ditimpa kemalangan, gembira hati mereka. Jika kamu sabar dan taqwa, niscaya takkan memudharatkan kepadamu tipu daya mereka sedikitpun. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui apa-apa yang mereka kerjakan.

Terjemahan Surah Ali Imrān(3):120

Hasad yang berpunca dari rasa kemarahan dan kebencian serta perseteruan terkadang boleh membawa kepada pergaduhan dan peperangn. Hasad ini boleh

mendorongkan seseorang itu rela menghabiskan usia hidup untuk melenyapkan nikmat dari tangan dan pemiliknya dengan berbagai-bagai tipu daya dan muslihat, dengan membuat pelbagai fitnah, serta mendedahkan berbagai keburukan dan keaiban orang yang dihasadkannya.

Kedua : Bangga dengan kedudukan dan kemuliaan. (التعز)

Iaitu terasa begitu berat dalam hatinya atau terasa begitu sakit dalam hatinya dengan sebab orang lain lebih atas darinya. Jika ada di antara mereka yang setaraf dengannya mendapat suatu yang lebih darinya, sama ada tentang pangkat atau ilmu pengetahuan ataupun harta kekayaan, maka dia merasa bimbang kalau-kalau teman setarafnya itu bersikap angkuh atau takabbur ke atas dirinya. Dia tidak sanggup menanggung keangkuhan temannya atau kebanggaan temannya ke atas dirinya. Dia rela kalau temannya itu terus berada dalam keadaan atau kedudukan yang sama dan setaraf dengan dirinya, sebaliknya tidak rela kalau lebih mengatasi dirinya.

Ketiga : Angkuh (التكبر)

Pada setengah orang, bersikap angkuh sudah menjadi kebiasaan dirinya atau meninggikan diri terhadap seorang tertentu, memperkecil-kecilkannya, memperalatkan dan mengaharap agar dia terus mengikut dan menurut kehendaknya. Manakala orang ini mendapat suatu nikmat ia takut kalau ia tidak dapat menanggung sifat takaburnya atau takut kalau dia tidak mahu mengikut dan menurut kehendaknya lagi. Sifat hasad yang berpunca dari takabur adalah sifat yang dipunyai oleh kebanyakan bangSawan Arab jahiliah. Mereka hasadkan Rasulullah Saw yang diketahuinya berasal dari seorang anak yatim piatu. Al-Qur'an merakamkan sifat hasad ini dalam surah *al-Zukhruf* ayat 31 :

وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ هَذَا الْقُرْآنُ عَلَى رَجُلٍ مِنَ الْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ (٣١)

Ertinya : Mereka berkata “ Mengapa tidak diturunkan al-Qur'an ini kepada seorang laki-laki yang besar dari dua buah negeri (Makkah dan Thaif) ”.

Terjemahan Surah al-Zukhruf(43):31

Keempat : Rasa ta'ajjub atau rasa hairan bercampur sinis seperti yang dikatakan dalam al-Qur'an surah Yāsīn ayat 15 :

قَالُوا مَا أَنتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا وَمَا أَنزَلَ الرَّحْمَانُ مِن شَيْءٍ إِذْ أَنتُمْ إِلَّا تَكْذُوبُونَ (١٥)

Ertinya : Sahut mereka itu “ Kamu tidak lain hanya manusia seperti kami dan yang Maha pengasih (Allah SWT) tiada menurunkan suatu juapun ; kamu tidak lain hanya semata-mata berdusta ”.

Terjemaha Surah Yāsīn (36):15

Kelima :_ Takutkan luput cita-citanya.

Sebab ini adalah terkhusus bagi yang saling berlumba untuk merebut satu tujuan atau cita-cita yang sama, seperti adik beradik yang berhasad dengki sesama mereka bagi mendapatkan kepercayaan bapaknya, yang membolehkan mereka menguruskan perniagaan bapaknya, atau untuk mendapat harta lebih dari yang lainnya dan seumpamanya, seperti yang berlaku di kalangan adik beradik seapak dengan Nabi Yusuf A.S.

Keenam : Gilakan nama dan kemasyhuran.

Dalam bidang-bidang tertentu, seperti seorang yang bercita-cita untuk mencapai kejayaan atau untuk menjadi juara dan jaguh dalam satu-satu bidang tertentu yang tidak ada tandingannya, ataupun yang berusaha supaya rekodnya tidak dapat ditandingi dengan tujuan supaya sentiasa mendapat sanjungan dan dipuja. Orang yang gilakan nama dan kemasyhuran ini, manakala mendengar ada orang lain yang dapat menandinginya maka akan sakitlah hatinya, sebaliknya suka kalau pencabarnya diragut maut atau hilang keistimewaan yang dinikmatinya, supaya ia kekal sebagai juara tanpa ada tandingan atau saingan.

Ketujuh : Busuk hati

Hasad yang berpunca dari busuk hati ini susah untuk dirawat, kerana sifat busuk hati ini semacam sudah sehati dengan dirinya. Orang yang hasad kerana busuk hati adalah orang yang paling bakhil, kerana ia bakhil yang bukan pada hak miliknya, tetapi bakhil pada nikmat Allah SWT yang diberikan kepada hambaNya. Seolah mereka itu telah mengambil dari khazanah simpanannya.

2.4.8 Sombong Dan Takabbur.

Sifat menyombong diri atau membesar diri adalah sifat hati yang berada dalam batin diri. Dari sifat ini lahirlah perilaku perbuatan atau tindakan yang bersifat lahir sebagai terjemahan atau natijah kepada sifat tersebut. Manakala sifat ini dilahir dalam bentuk perbuatan maka ia disebut takabbur. Sifat al-kibr atau besar diri ini ialah suatu hal dalam diri atau sifat hati yang terhasil dari kepercayaan bahawa dirinya mempunyai sifat keistimewaan atau kesempurnaan yang lebih

tinggi dari orang lain, dan dirinya merasa megah dan bangga dengan ketinggian sifat itu di samping memandang rendah atau hina kepada orang lain. Masyarakat moden hari ini, kebanyakan mereka merasa lebih sempurna dan lebih tinggi dari orang lain sehingga mereka saling rendah merendahkan di antara satu dengan yang lain, saling hina menghina sesama mereka. Masing-masing keras kepala dengan sikap dan pendapatnya, mereka tidak sepakat dan tidak bersefahaman. Dalam keadaan yang sedemikian maka yang kuat dan besar itulah yang menguasai masyarakat. Oleh yang sedemikian fenomena yang berlaku adalah lahirnya berbagai siri keburukan dalam masyarakat, kezaliman, penindasan, penipuan, pemerasan, pencabulan hak-hak dan kehormatan, ugutan yang kesemuanya menyebabkan hidup tidak tenteram dan aman sejahtera. Kesemuanya ini menunjukkan krisis moral yang terjadi dalam masyarakat moden hari ini amat merbahaya.

Adapun tentang bahaya dan keburukan akhirnya pula dengan jelas dapat dibayangkan dari nas-nas al-Qur`ān, di antaranya ialah firman Allah SWT di dalam surah *al-A`raf* ayat 146 :

سَأَصْرِفُ عَنْ آيَاتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ آيَةٍ لَا

يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ العِثِّ يَتَّخِذُوهُ

سَبِيلًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ (١٤٦)

Ertinya : Nanti akan aku palingkan daripada ayat-ayatKu orang-orang yang sombong di muka bumi tanpa kebenaran. Jika mereka melihat beberapa ayat, mereka tidak juga beriman kepadanya dan jika mereka melihat jalan kebenaran, mereka tidak mau

menempuhnya, tetapi jika mereka melihat jalan kejahatan, mereka terus menempuhnya. Demikian itu kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka lengah daripadanya.

Terjemahan Surah al-A'raf(7):146

Ayat di atas dengan jelas menerangkan bahawa orang-orang yang bersifat besar diri atau takabbur akan dipalingkan dari ayat-ayat Allah SWT. Yang dimaksudkan dengan ayat-ayat Allah SWT, iaitu tanda bukti atas hakikat Allah SWT ; hakikat kebenaran Allah SWT, hakikat kebenaran sifat-sifatNya, hakikat kebenaran ajaranNya serta rahmat keihsanan dan keadilanNya.

Seorang yang punya sifat takabbur tidak sanggup untuk mencintai dan mengasihi saudara sesama mukmin seperti ia mengasihi dirinya sendiri, sedangkan kecintaan ini menjadi tanda bukti kesempurnaan imannya. Seorang yang sempurna sifat besar diri tidak sanggup untuk merendah diri dan tawaddu' dalam pergaulan dan mu'amalahnya dengan masyarakat mukmin, sedangkan tawaddu' adalah kemuncak akhlak para ahli taqwa. Seorang yang mempunyai sifat besar diri atau bangga diri tidak dapat mengikis sifat hasad dengki dan dendam terhadap saudara seagamanya ; tidak dapat untuk sentiasa bersifat benar ; tidak dapat untuk membuang sifat marahnya dan tidak dapat untuk bersifat pemaaf kepada kesalahan saudaranya ; tidak dapat untuk memberikan nasihat yang lembut, atau menerima nasihat yang baik ; tidak terkawal dari memandang rendah dan hina terhadap orang lain ; tidak terselamat dari mengumpat dan mencelanya.

Ringkasnya setiap akhlak yang hina dan tercela terpaksa diterima demi untuk menjaga sifat takburbunya. Sementara sifat yang mulia dan terpuji tidak terdaya untuk dilakukan kerana takutkan kehilangan sifat takburbunya.

Seorang yang disifatkan takabbur (*al-mutakabbir*) sudah pasti adanya pihak lain yang ditakaburkan ke atasnya. Dipandang dari sudut orang yang ditakaburkannya (*al-mutakabbir 'alayh*) terbahagi kepada tiga jenis⁷⁰.

*Pertama*_: Takabbur terhadap Allah SWT.

Inilah takabbur yang paling keji dan paling hina, akibat dari sifat keterlaluhan dan kejahilan semata-mata. Contoh daripada sifat ini adalah takaburbunya Namruz, Fir'aun dan Haman dan seumpamanya. Golongan ini dirakamkan oleh al-Qur'an dalam beberapa ayatNya, antaranya di dalam surah *al-Ghāfir* ayat 60 :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ

جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ (٦٠)

Ertinya : Berkata Tuhanmu : " mintalah kepadaKu, niscaya Aku perkenankan permintaanmu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong terhadap menyembahKu, nanti mereka akan masuk ke dalam neraka serta terhina".

Terjemahan Surah al-Ghāfir(40):60

⁷⁰ Ahmad 'Izzu al-Dīn al-Bayāyūnī (1973). *Al-Qalb*. Halab Syria h.138

Kedua : Takabbur terhadap para Rasul

Iaitu sifat keangkuhan dan kebongkahan yang menyebabkan enggan untuk menurut dan patuh kepada mereka seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. Keengganan mereka ini terkadang kerana senganja tidak mahu memikirkan dan menilai hakikat Rasul. Mereka lebih suka dalam gelap kejahilannya. Walaupun menyangka dalam kebenaran. Terkadang mereka sedar dan mengetahui namun hatinya enggan untuk taat dan patuh, golongan pertama dirakamkan oleh Allah SWT dalam firmanNya di dalam surah *al-Furqān* ayat 21 :

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْنَا الْمَلَائِكَةُ أَوْ نَرَى رَبَّنَا لَقَدِ اسْتَكْبَرُوا
فِي أَنفُسِهِمْ وَعَتَوْا عُتُوًّا كَبِيرًا (٢١)

Ertinya : Maka berkatalah orang-orang yang tidak mengharap akan menemui Kami, “ mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau dapat kami melihat Tuhan kami ? Sesungguhnya amat sombong mereka itu dalam hatinya dan mereka aniaya sebesar-besar aniaya”.

Terjemahan Surah *al-Furqān*(25):21

Sementara golongan kedua dirakamkan Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 89:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ
عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ (٨٩)

Ertinya : Tatkala datang Kitab (al-Qur'an) kepada mereka dari sisi Allah, yang membenarkan Kitab yang ada pada mereka (Taurat) dan adalah mereka pada masa dahulu meminta pertolongan dengan dia buat melawan orang-orang kafir ; tetapi tatkala datang kepada mereka apa yang mereka ketahui (Muhammad), mereka mengingkarinya ; maka kutukan Allah atas orang-orang yang kafir itu.

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):89

Ketiga : Takabbur terhadap sesama hamba Allah SWT

Iaitu merasakan dirinya lebih besar, lebih tinggi dan lebih segala-galanya dari orang lain, serta memandang rendah dan hina pada mereka. Dengan perasaan ini mereka enggan untuk menurut atau mengikut, mendengar atau menerima sekalipun orang lain itu benar dan semestinya diikuti perkataannya dan didengar nasihatnya. Walaupun jenis ketiga ini lebih rendah dari yang pertama dan kedua namun dosanya juga amat besar di sisi Allah SWT yang maha agung, maha besar dan maha tinggi lagi sempurna. Adapun bagi hamba yang sifatnya serba kurang, serba lemah maka tidaklah layak dengan sifat-sifat tersebut manakala si hamba bersifat takabbur maka sesungguhnya ia telah cuba menandingi sifat Allah SWT. Kedua, kerana orang yang bersifat takbbur terhadap sesama hamba boleh membawa kepada takabbur terhadap perintah dan suruhan Allah SWT, seperti takabburnya iblis yang membawa kepada tidak mahu sujud seperti yang diperintah oleh Allah SWT dengan membuat berbagai-bagai alasan dan pengeliruan.

Seorang bersifat takabbur manakala ia merasakan besar diri, dan seorang merasa besar diri manakala ia percaya dirinya mempunyai sesuatu keistimewaan

atau sesuatu kesempurnaan diri, sama ada yang bersifat keagamaan atau keduniaan. Itulah yang banyak dirasakan oleh masyarakat moden hari ini yang merasa tinggi dengan segala apa yang dimilikinya. Yang bersifat keagamaan tersimpul pada ilmu dan amal, sedangkan yang bersifat keduniaan terangkum pada keturunan, kecantikan, kekuasaan, kekayaan dan banyak pengaruh atau pengikut, jadi perkara-perkara yang dijadikan bahan takabbur dapat diringkaskan dalam tujuh perkara.

Pertama : Ilmu

Sedikit bilangan orang yang alim yang mempunyai ilmu terlepas dari sifat takabbur dengan ilmunya, merasa bangga dengan ilmunya, merasa dirinya sempurna dan besar diri dengan ilmunya, sehingga ia memandang rendah dan hina kepada orang lain, terutama yang tidak berilmu atau kurang ilmunya, bahkan memperbodohkan mereka. Orang yang alim yang takabbur dengan ilmunya ini biasanya lebih mengharap akan diberikan kebaikan oleh orang ramai daripada ianya membuat kebaikan kepada orang lain. Dan ia mempergunakan orang lain untuk kepentingan dan keperluan pribadi atau keluarganya. Pengajaran dari ilmunya dianggapnya sebagai suatu jasa bakti yang berhak dibalas oleh mereka. Kesimpulannya bahawa ilmu adalah suatu yang dijadikan bahan terbesar kepada sifat takabbur, oleh kerana itu Allah SWT mengingatkan para NabiNya dengan firmanNya di dalam surah *al-Syuarā* ayat 215 :

وَإِخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ (٢١٥)

Ertinya : Dan rendahkanlah sayapmu (merendahkan dirilah) terhadap orang yang mengikutimu di antara orang-orang mukmin.

Terjemahan Surah al-Syuara(26):215

Kedua : Amal ibadah

Para ahli zuhud dan ahli ibadat jua terlepas dari sifat takabbur dengan amal ibadatnya sama ada pada hal-hal keduniaan atau dalam hal keagamaan. Tentang hal keduniaan, mereka merasakan bahawa mereka lebih berhak diziarahi daripada menziarahi, lebih berhak mendapat atau merenima keperluan daripada orang lain, lebih berhak mendapat keistimewaan di majlis-majlis atau seumpamanya, lebih berhak mendapat gelaran kewara'an dan ketaqwaan seolah-olah mereka merasakan bahawa amal ibadahnya itu sebagai suatu jasa yang mengharap balasan yang lebih dari makhluk.

Tentang hal keagamaan pula, mereka merasakan dirinyalah yang terselamat, orang lain akan binasa. Sedangkan yang sebenarnya orang yang berperasaan demikian itulah yang binasa.

Ketiga : Takabbur dengan nasab keturunan.

Jarang sekali orang berdarah keturunan mulia terlepas dari rasa besar diri atau takabbur, sekalipun ia seorang yang saleh dan berpengetahuan, sehingga begitu mudah memandang rendah orang yang tidak setaraf dengannya, sekalipun orang itu lebih tinggi jasa dan sumbangan ilmu amalnya. Malahan mereka memandang orang ramai seperti hamba abadinya. Dari sifat takabburnya ini akan melahirkan perbuatan seperti enggan bergaul dengan orang yang mereka anggap tidak semulia mereka, enggan duduk semeja dan enggan bekerjasama dengannya. Dari lidahnya pula akan melahirkan kata-kata bangga dan megah diri, lebih-lebih lagi ketika dikuasai perasaan marah.

Keempat : Berbesar diri atau takabbur dengan paras kecantikan

Biasanya ini berlaku di kalangan kaum wanita. Sifat ini boleh mendorong kepada perbuatan merendahkan orang lain, mengumpat, dan menceritakan keburukan dan keaiban orang lain.

Kelima : Berbesar diri atau takabbur dengan harta kekayaan

Biasanya sifat ini dipunyai oleh para pembesar dan saudagar ahli perdagangan, ahli perniagaan dan seumpamanya. Mereka memandang rendah terhadap terhadap orang miskin dan golongan tidak berada. Di antara contoh takabbur dengan harta kekayaan ini ialah takabburnya Qarun seperti yang diabadikan kisahnya dalam al-Qur'ān , untuk menjadi peringatan pengajaran. Surah *al-Qasas* ayat 78-79 :

قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنْدِي أَوَلَمْ يَعْلَم أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِ مِنَ الْقُرُونِ

مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرَ جَمْعًا وَلَا يُسْأَلُ عَنْ ذُنُوبِهِمُ الْمُجْرِمُونَ (٧٨) فَخَرَجَ

عَلَىٰ قَوْمِهِ فِي زِينَتِهِ قَالَ الَّذِينَ يُرِيدُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا يَا لَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَا أُوتِيَ

قَارُونَ إِنَّهُ لَنُؤُوتٌ حَظٌّ عَظِيمٌ (٧٩)

Ertinya : *Qarun* berkata “ *Aku memperoleh harta benda itu, adalah dengan ilmu pengetahuanku sendiri*”. Tiadakah ia tahu, bahwa Allah telah membinasakan di antara umat-umat yang sebelumnya orang-orang yang sangat kuat dari padanya dan lebih banyak mengumpulkan (harta). Tiada (perlu) diperiksa orang-orang yang berdosa tentang dosa-dosa yang diperbuatnya, (kerana telah maklum oleh Allah SWT). Kemudian *Qarun* keluar kepada

kaumnya dengan (memakai) perhiasannya. Berkata orang-orang yang menghendaki hidup di dunia “ Hai kiranya, untuk kami seumpama (kekayaan) yang didapat Qarun itu, sungguh dia mempunyai untung yang besar”.

Terjemahan Surah al-Qasas(28):78-79

Keenam dan ketujuh : Takabbur dengan kekuasaan dan banyak pengikut.

Seorang yang mempunyai kekuatan dan kekuasaan boleh bersifat takabbur dengan kekuatan dan kekuasaannya. Demikian juga mereka yang diminati, dita'ati dan dihormati boleh bersifat takabbur dengan banyak peminat, banyak pengikut dan banyak penyokong. Kesemua perkara-perkara yang dijadikan bahan sifat dan sikap takabbur itu adalah merupakan nikmat yang diyakini, menurut sangkaannya sebagai sifat keistimewaan dan kesempurnaan dirinya ke atas orang lain.

2.5 Kesimpulan

Dari huraian di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa Islam mempunyai konsep dan pandangan yang jelas tentang hidup dan moral. Allah SWT telahpun memberi petunjuk di dalam al-Quran dan telah banyak dijelaskan di dalam hadith Nabi bahawa Rasulullah SAW adalah model akhlak dan moral Islam yang paling sempurna.

Ruang lingkup moral dalam Islam amatlah luas dan sempurna, ianya bukan setakat pada kegiatan keagamaan sahaja, akan tetapi mencakupi tingkahlaku sosial, kebiasaan, sopan santun dan seluruh aspek lain yang timbul dalam masalah-masalah kehidupan.

Beberapa jenis krisis moral dan penyakit sosial yang dipaparkan di atas, yang kini tengah mewabak dalam masyarakat, menggambarkan umat yang sudah kehilangan pegangan. Semakin lama keadaan ini jika dibiarkan tanpa jalan keluar, tentu akan semakin membahayakan.

Fenomena yang berlaku ini tidak mengenal batasan usia. Dua faktor penting yang merupakan penyebab utama pada rata-rata permasalahan sosial dan krisis moral yang telah dibahaskan di atas adalah faktor keluarga dan persekitaran. Akan tetapi, yang sebenarnya faktor dalaman atau diri pelaku itu sendirilah yang paling penting. Pelakunya ini ibarat perahu yang tengah terombang-ambing kerana kehilangan pendayung untuk dijadikan penyelamatnya. Pelakunya ini semestinya mencari apa yang hilang dari diri mereka, iaitu pedoman dan pegangan hidup. Jawapannya semua terdapat di dalam al-Qur'an yang menjadi pedoman dan pegangan hidup orang yang beriman. Wallāhu A'lam